



KF750 Panduan Pengguna

BAHASA MELAYU
简体中文
ENGLISH

KF750 Panduan Pengguna

LG ELECTRONICS INC.

P/N : MMBB0274809 (1.0) H

CE 0168

www.lgmobile.com

Bluetooth QD ID B013855



Sesetengah kandungan dalam manual ini mungkin berbeza daripada telefon anda bergantung pada perisian telefon atau pembekal khidmat anda.

KF750 Panduan Pengguna

Tahniah di atas pembelian anda iaitu telefon selular KF750 yang canggih dan padat daripada LG, direka bentuk untuk beroperasi dengan teknologi bergerak digital yang terkini.



Pelupusan perkakas lama anda

- 1** Apabila simbol tong beroda disilang pangkah ini dilekat pada sesebuah produk itu bermaksud produk tersebut diliputi oleh Arahan Eropah 2002/96/EC.
- 2** Semua produk elektrik dan elektronik perlu dilupuskan secara berasingan daripada aliran pelupusan perbandaran melalui kemudahan pengumpulan berkenaan yang dilantik oleh kerajaan atau pihak berkuasa tempatan.
- 3** Pelupusan yang betul bagi perkakas lama anda akan membantu mencegah kesan negatif yang mungkin ke atas alam sekitar dan kesihatan manusia.
- 4** Untuk maklumat terperinci tentang pelupusan perkakas lama, sila hubungi pejabat bandaraya anda, perkhidmatan pelupusan sampah atau kedai di mana anda membeli produk tersebut.

Persediaan	01
Skrin siap sedia anda	02
Asas	03
Jadi kreatif	04
Jadi teratur	05
Web	06
Tetapan	07
Aksesori	08

Kandungan

Garis Panduan

Garis panduan untuk penggunaan yang selamat dan cekap8

Persediaan

Mengenali telefon anda..... 14
Memasang USIM dan bateri 16
Kad memori..... 18
Peta menu 20

Skrin siap sedia anda

Skrin siap sedia anda..... 22
 Petua skrin sentuh 22
 Bar status..... 23

Asas

Panggilan 24
 Membuat panggilan suara 24
 Membuat panggilan video 24
 Membuat panggilan suara/video daripada Kenalan 25
 Membuat panggilan antarabangsa..... 25
 Menjawab dan menolak panggilan..... 25
 Dail cepat 25
 Membuat panggilan kedua..... 26
 Nada DTMF 26
 Melihat log panggilan 26
 Menggunakan alihan panggilan..... 27
 Menggunakan sekatan panggilan..... 28
 Menukar tetapan biasa panggilan..... 28

 Menukar tetapan panggilan video 29
Kenalan 30
 Mencari kenalan 30
 Menambah kenalan baru..... 30
 Pilihan kenalan 31
 Membuat kumpulan 32
 Menggunakan nombor dailan perkhidmatan..... 32
 Melihat nombor sendiri 32
 Membuat kad niaga 32
 Menukar tetapan kenalan..... 33
Pemesejan..... 34
 Pemesejan 34
 Menghantar mesej 34
 Memasukkan teks 34
 Ramalan T9 35
 Manual Abc 35
 Menetapkan e-mel 35
 Mendapatkan semula e-mel anda 36
 Menghantar e-mel menggunakan akaun baru anda..... 37
 Menukar tetapan e-mel anda.... 37
 Folder mesej..... 38
 Menguruskan mesej 38
 Menggunakan templat..... 39
 Menggunakan emotikon 39
 Menukar tetapan mesej teks anda 40
 Menukar tetapan mesej multimedia anda 40
 Menukar tetapan lain 41

Jadi kreatif

Kamera	42	video	53
Mengambil gambar segera	42	Melihat foto dan video anda.....	53
Sesudah mengambil gambar	42	Melaraskan kelantangan semasa	
Menggunakan flash	43	menonton video.....	54
Melaraskan kecerahan.....	43	Menangkap imej daripada	
Memilih mod tangkapan.....	44	video	54
Menggunakan mod tangkapan		Menghantar foto atau video dari	
bertubi	44	album	54
Menggunakan mod tangkapan		Melihat foto secara tayangan	
bingkai	45	slaid	55
Mengambil tangkapan		Mengeset foto sebagai skrin	
panorama.....	45	Laman Utama	55
Gunakan tetapan lanjutan.....	45	Mengedit foto anda	55
Menukar saiz imej	47	Masukkan kesan pada foto.....	56
Memilih tona warna	47	Morfkan foto	56
Melihat foto yang disimpan	48	Menyoroti foto	57
Tetapkan satu foto sebagai skrin		Mengedit video anda	57
Laman Utama atau imej		Memotong panjang video anda	57
Kenalan	48	Menggabungkan dua video	
Kamera video	49	bersama.....	57
Menangkap video pantas	49	Menggabungkan foto dengan	
Selepas anda telah menangkap		video	58
video	49	Menambah teks pada video.....	58
Melaraskan kecerahan.....	49	Overlai foto.....	58
Gunakan tetapan lanjutan.....	49	Menambah rakaman suara.....	59
Menukar saiz imej video.....	51	Menambah trek bunyi pada video	
Memilih tona kesan	51	anda	59
Menonton video yang		Menukar kelajuan video anda... 59	
disimpan.....	52	Menambah kesan malap	60
Foto dan video anda	53	Multimedia.....	61
Mengedit menu pilihan album		Imej	61
foto	53	Menu pilihan imej saya	61
Menu mengedit pilihan album		Menghantar foto	62
		Menggunakan imej	62

Kandungan

Menguruskan imej anda.....	62	Melihat fail	68
Memadamkan imej	62	Lain-lain	68
Memindah atau menyalin imej .	63	Pembuat filem	69
Mengedit imej.....	63	Membuat movie	69
Menandakan dan membuang tanda pada imej.....	63	Muzik	69
Membuat pertunjukan slaid	64	Memindahkan muzik pada telefon anda	70
Menyemak status memori anda	64	Memainkan lagu.....	70
Bunyi.....	64	Menggunakan pilihan semasa memainkan muzik	70
Menggunakan bunyi	64	Membuat senarai main	71
Video.....	64	Senarai main pengedit.....	71
Menonton video.....	64	Memadam senarai main	71
Menggunakan pilihan semasa video dijeda.....	65	Menggunakan radio	72
Menghantar klip video.....	65	Mencari stesen	72
Menggunakan klip video sebagai nada dering	65	Mengedit saluran	72
Menggunakan menu pilihan video	65	Menetapkan kembali saluran	73
Permainan dan Aplikasi	66	Mendengar radio	73
Bergembira dengan menu M-Toy	66	Menggunakan perakam suara ..	74
Memuat turun permainan atau aplikasi	66	Merakam bunyi atau suara	74
Memainkan permainan	67	Menghantar rakaman suara	74
Menggunakan menu pilihan permainan	67	Pengatur	75
Kandungan Flash	67	Menambah peristiwa pada kalendar anda.....	75
Melihat fail SWF/SVG	67	Menukar paparan kalendar lalai anda	75
Menggunakan pilihan melihat fail SWF/SVG.....	67		
Dokumen	68		
Memindahkan fail kepada telefon anda	68		

Jadi teratur

Menambah item pada senarai tugas anda	76
Berkongsi item tugas	76
Menambah memo	76
Menetapkan penggera anda	76
Menggunakan kalkulator anda.	77

Menggunakan jam randik.....	77
Menukar unit	78
Menambah bandar kepada masa dunia anda.....	78
PC Suite	79
Memasang LG PC Suite pada komputer anda	79
Menyambung telefon dan PC anda	79
Menyandarkan dan menyimpan maklumat telefon anda.....	79
Melihat fail telefon anda pada PC.....	80
Menyegerakkan kenalan anda..	80
Menyegerakkan mesej anda.....	80
Menyegerakkan muzik anda	80
Menggunakan telefon anda sebagai peranti penyimpan massa.....	81
PIN untuk sambungan DivX.....	81
Penyemak imbas.....	83
Mengakses web	83
Menambah dan mengakses penanda buku anda	83

Web

Menyimpan halaman.....	84
Mengakses halaman disimpan .	84
Melihat sejarah pelayar anda.....	84
Menggunakan pembaca RSS.....	84
Menambah kepada Suapan	85
Mengemas kini pembaca RSS ...	85
Menukar tetapan pelayar web ..	85
Web	86

Menggunakan telefon anda sebagai modem.....	86
Menggunakan Bluetooth.....	86
Menghantar dan menerima fail anda menggunakan Bluetooth.	86
Pasangankan dengan peranti Bluetooth lain	88
Menggunakan alat dengar Bluetooth	88
Tetapan.	89
Menukar tetapan skrin anda.....	89
Memperibadikan profil anda	89

Tetapan

Menukar tetapan telefon anda menggunakan Tarikh & Masa	90
Menukar tetapan lain	90
Menukar tetapan keselamatan .	91
Menggunakan pengurus memori	91
Menggunakan mod penerbangan.....	92
Aksesori.....	93

Aksesori 93

Perkhidmatan rangkaian 94

Perkhidmatan rangkaian	94
Data teknikal	94

Garis panduan untuk penggunaan yang selamat dan cekap

Sila baca garis panduan mudah ini. Tidak mengikut garis panduan ini mungkin merbahaya atau tidak sah.

Pendedahan kepada tenaga frekuensi radio

PERANTI INI MEMATUHI GARIS PANDUAN ANTARABANGSA BAGI PENDEDAHAN TERHADAP GELOMBANG RADIO

Telefon mudah alih anda adalah penghantar dan penerima radio. Ia direka dan dikilangkan bukan untuk melampaui had pendedahan terhadap frekuensi radio (RF) yang disyorkan oleh garis panduan antarabangsa (ICNIRP). Had ini adalah sebahagian daripada garis panduan komprehensif dan tahap kebenaran tenaga RF bagi populasi umum yang wujud. Garis panduan ini telah dibangunkan oleh organisasi saintifik bebas secara berkala dan melalui penilaian pengajian saintifik. Garis panduan ini merangkumi margin keselamatan penting yang direka bentuk untuk memastikan keselamatan semua orang, tanpa mengira usia dan kesihatan.

Pendedahan standard bagi peranti mudah alih menggunakan unit pengukuran yang dikenali sebagai Kadar Penyerapan Khusus atau SAR. Had SAR dinyatakan dalam garis panduan antarabangsa iaitu 2.0 W/kg*. Ujian bagi SAR dikendalikan menggunakan kedudukan pengoperasian standard yang mana peranti itu memancarkan pada aras kuasa diperakui yang tertinggi dalam semua jalur frekuensi. Walaupun SAR ditentukan pada aras kuasa diperakui yang tertinggi, SAR sebenar pada peranti itu boleh direndahkan pada aras nilai maksimum semasa beroperasi. Ini disebabkan peranti itu direka untuk beroperasi pada pelbagai aras kuasa, oleh itu ia hanya digunakan pada aras kuasa yang diperlukan untuk mencapai rangkaian itu. Umumnya, semakin dekat anda pada stesen liputan, semakin rendah kuasa output pada peranti itu. Sebelum model telefon tersedia untuk dijual kepada pembeli, kepatuhan secara langsung dengan pihak European R&TTE mestilah ditunjukkan. Kepatuhan ini adalah termasuk sebagai salah satu

keperluan perlindungan kesihatan dan keselamatan bagi pengguna dan orang lain.

Nilai tertinggi SAR bagi peranti ini untuk penggunaan di telinga adalah 0.5 W/kg.

Peranti ini mematuhi garis panduan pendedahan RF apabila digunakan sama ada dalam kedudukan normal pada telinga atau apabila diletakkan sekurang-kurangnya 1.5 sm daripada badan. Apabila sarung pembawa, pita klip atau pemegang digunakan untuk dipakai pada badan, ia tidak seharusnya mengandungi logam dan mestilah meletakkan produk itu sekurang-kurangnya 1.5 sm daripada badan anda. Dalam arahan untuk memindahkan fail data atau mesej, peranti ini memerlukan sambungan kualiti pada rangkaian. Dalam keadaan yang sama, pemindahan fail data atau mesej boleh dilambatkan sehingga sesetengah sambungan telah sedia. Pastikan arahan jarak pemisahan di atas dipatuhi sehingga pemindahan selesai. Nilai tertinggi SAR bagi peranti ini apabila diuji untuk penggunaan di telinga adalah 0.755 W/kg.

* Had SAR bagi peranti mudah

alih yang digunakan oleh orang ramai adalah 2.0 watts/kilogram (W/kg) dipuratakan ke atas sepuluh gram tisu badan. Garis panduan ini menggabungkan margin keselamatan penting untuk memberikan perlindungan tambahan kepada orang ramai dan untuk mengesan sebarang kelainan dalam pengukuran. Nilai SAR mungkin berbeza-beza bergantung pada permintaan laporan nasional dan jalur rangkaian.

Untuk maklumat SAR dalam kawasan lain, sila lihat di bawah maklumat produk di www.lgmobile.com.

Penjagaan dan penyenggaraan produk

AMARAN

Gunakan hanya bateri, pengecas dan aksesori yang diluluskan untuk penggunaan khusus bagi model telefon ini. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti yang berkaitan dengan telefon ini, dan mungkin merbahaya.

Garis panduan untuk penggunaan yang selamat dan cekap

- Jangan ceraikan unit ini. Bawanya ke juruteknik servis yang layak apabila kerja baik pulih diperlukan.
- Jauhkan dari perkakas elektrik seperti TV, radio, dan komputer peribadi.
- Unit hendaklah dijauhkan daripada sumber haba seperti radiator atau dapur.
- Jangan jatuhkannya.
- Pelihara agar unit ini tidak mengalami getaran mekanik atau kejutan.
- Matikan telefon dalam sebarang kawasan yang mana anda memerlukan peraturan khas. Contohnya, jangan gunakan telefon dalam hospital kerana ia menjejaskan peralatan perubatan sensitif.
- Jangan kendalikan telefon anda dengan tangan yang basah apabila ia sedang dicas. Ia mungkin menyebabkan kejutan elektrik dan kerosakan yang serius pada telefon anda.
- Jangan cas telefon bimbit berdekatan bahan mudah bakar kerana telefon bimbit tersebut boleh menjadi panas dan membarakan bahaya api.
- Gunakan hanya kain kering untuk membersihkan bahagian luar unit (jangan gunakan pelarut seperti benzena, pencair atau alkohol).
- Jangan caj telefon semasa ia berada di atas kain hiasan.
- Telefon haruslah dicas di kawasan pengudaraan yang baik.
- Jangan dibiarkan unit ini terdedah pada asap atau debu.
- Jangan simpan telefon di sebelah kad kredit atau tiket pengangkutan; ia boleh menjejaskan maklumat pada jalur magnetik.
- Jangan ketik skrin dengan benda tajam kerana ia boleh merosakkan telefon.
- Jangan dedahkan telefon pada cecair atau lembapan.
- Gunakan aksesori seperti fon telinga dengan berhati-hati. Jangan sentuh antena jika tidak perlu.

Operasi telefon yang cekap

Peranti elektronik

Semua telefon wayarles boleh mendapat gangguan, yang boleh menjejaskan prestasinya.

- Jangan gunakan telefon bimbit anda berdekatan dengan kelengkapan perubatan tanpa meminta izin. Elakkan dari meletakkan telefon di atas perentak jantung, contohnya, dalam poket dada anda.
- Sesetengah alat bantuan pendengaran boleh mendapat gangguan daripada telefon bimbit.
- Gangguan yang sedikit boleh menjejaskan TV, radio, PC, dan sebagainya.

Keselamatan di jalan raya

Periksa undang-undang dan peraturan mengenai penggunaan telefon bimbit di kawasan-kawasan tempat anda memandu.

- Jangan gunakan telefon semasa memandu.
- Berikan sepenuh perhatian kepada kegiatan pemanduan.

- Gunakan kit bebas tangan, jika ada.
- Keluar dari jalan raya dan letakkan kereta sebelum membuat dan menjawab panggilan jika keadaan memandu memerlukan.
- Tenaga RF mungkin menjejaskan sesetengah sistem elektronik dalam kenderaan anda seperti stereo kereta dan kelengkapan keselamatan.
- Apabila kenderaan anda dilengkapi dengan beg udara, jangan letakkan barang-barang termasuk sama ada kelengkapan wayarles yang dipasang atau yang mudah alih. Ia boleh menyebabkan beg udara gagal berfungsi dengan betul dan kecederaan yang serius.
- Jika anda mendengar muzik ketika bergerak dan berjalan, sila pastikan bahawa kelantangannya adalah pada paras yang berpatutan agar anda sedar akan keadaan di sekeliling anda. Ini amat penting terutamanya semasa berhampiran dengan jalan.

Garis panduan untuk penggunaan yang selamat dan cekap

Elakkan kerosakan kepada pendengaran anda

Kerosakan kepada pendengaran anda boleh berlaku jika anda terdedah kepada bunyi yang kuat untuk tempoh yang lama. Oleh itu kami menyarankan agar anda tidak menghidupkan atau mematikan telefon bimbit terlalu hampir dengan telinga anda. Kami juga menyarankan bahawa kelantangan muzik dan panggilan ditetapkan pada paras yang berpatutan.

Kawasan letupan

Jangan gunakan telefon di mana peletupan sedang dijalankan. Ikut sekatan-sekatan, dan patuhi sebarang undang-undang atau peraturan.

Persekitaran boleh meletup

- Jangan menggunakan telefon di tempat mengisi bahan bakar.
- Jangangunakannya berhampiran dengan bahan api atau bahan kimia.
- Jangan angkut atau simpan gas mudah terbakar, cecair atau bahan letupan dalam kompartmen kenderaan anda yang mengandungi telefon mudah alih dan aksesori anda .

Di dalam pesawat

Peranti-peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan di dalam pesawat.

- Matikan telefon bimbit anda sebelum menaiki sebarang pesawat.
- Jangan gunakannya apabila mendarat tanpa izin anak kapal.

Kanak-Kanak

Simpan telefon di tempat yang selamat dan jauh daripada kanak-kanak kecil. Ia termasuk bahagian kecil yang boleh menyebabkan bahaya tercekik jika ia ditanggalkan.

Panggilan kecemasan

Panggilan kecemasan mungkin tidak tersedia di bawah semua rangkaian mudah alih. Oleh itu, anda tidak sepatutnya bergantung pada telefon untuk panggilan kecemasan. Periksa dengan pembekal khidmat setempat anda.

Maklumat dan penjagaan bateri

- Anda tidak perlu menyahcas bateri sepenuhnya sebelum mengecas semula. Tidak seperti sistem bateri lain, tiada kesan memori yang boleh menjejaskan prestasi bateri.
- Hanya gunakan bateri dan pengecas LG. Pengecas LG direka bentuk untuk memaksimumkan hayat bateri.
- Jangan ceraikan atau litar pintaskan pek bateri.
- Pastikan sesentuh logam bateri sentiasa bersih.
- Gantikan bateri apabila ia tidak lagi memberi prestasi yang boleh diterima. Pek bateri boleh dicas semula beratus-ratus kali sehingga ia perlu digantikan.
- Cas semula bateri jika ia telah lama tidak digunakan untuk memaksimumkan kebolegunaan.
- Jangan dedahkan pengecas bateri kepada cahaya matahari langsung atau gunakannya pada kelembapan yang tinggi, seperti di bilik air.
- Jangan biarkan bateri di tempat yang panas atau dingin, ini boleh menjadikan prestasi bateri semakin buruk.
- Terdapat risiko letupan jika bateri digantikan dengan jenis yang salah.
- Lupuskan bateri yang telah digunakan mengikut arahan pengilang. Sila kitar semula apabila boleh. Jangan lupuskan sebagai sampah rumah tangga.
- Jika anda hendak menggantikan bateri, bawa ia ke pusat servis LG Electronics atau penjual yang disahkan untuk mendapatkan bantuan.
- Sentiasa tanggalkan pengecas dari soket dinding selepas telefon dicas sepenuhnya untuk menjimatkan kuasa pengecas daripada penggunaan yang tidak diperlukan.

Mengenalinya telefon anda

LCD Utama

- **Atas:** Kekuatan isyarat, paras bateri dan pelbagai fungsi.
- **Bawah:** Penunjuk Bahan saya/Menu/ Kenalan.

Kekunci lembut kiri/ Kekunci lembut kanan

Menjalankan fungsi ditunjukkan pada bahagian bawah paparan. Dalam Mod melahu, sentuh kekunci lembut kiri untuk membuka menu Bahan saya.

Sentuh kekunci lembut kanan untuk sambungkan pada Kenalan.

Kekunci panggil





Dail nombor telefon dan jawab panggilan masuk.

Pembesar suara/speaker

lensa kamera dalaman

Kekunci sentuh navigasi

- Dalam mod siap sedia:

-  Senarai kenalan
-  Menu cepat
-  (Kanan) Pemesejan
-  (Kiri) Profil


- Dalam menu: Navigasi antara menu.

Kekunci Tamat/Kuasa

Tamatkan atau tolak panggilan. Hidupkan/ Matikan telefon. Tekan sekali untuk kembali pada skrin siap sedia.

Kekunci kosongkan

- Memadam aksara dengan setiap tekanan.



**Pengecas, Kabel,
Penyambung alat bebas
tangan**

TIP: Untuk menyambung kabel USB, tunggu sehingga telefon dikuasakan dan didaftarkan pada rangkaian.

Kekunci sisi

- **Apabila skrin melahu:** kelantangan nada kekunci.
- **Dalam menu:** tatal ke atas & ke bawah
- **Semasa panggilan:** kelantangan cuping telinga.
- **Semasa memainkan trek BGM**
 - **Tekan pendek:** mengawal kelantangan.
 - **Tekan lama:** gerakan ke fail muzik seterusnya atau sebelumnya .
- **Butang skrinentuh:** tukarkan LCD kepada skrin sentuh untuk mengakses fail anda.
- **Buka menu berbilang tugas**
- **Butang tangkap**

Kanta kamera luaran



Tekan butang ini untuk mengeluarkan penutup bateri.

01

02

03

04

05

06



07

08

Memasang USIM dan bateri

1 Tanggalkan penutup bateri

Tekan dan tahan butang pelepasan bateri di bahagian atas telefon dan angkat penutup bateri.



2 Tanggalkan bateri

Tahan bahagian tepi pada atas bateri dan angkat daripada petak bateri menggunakan penutup bateri.




⚠️ AMARAN: Jangan guna kuku anda semasa mengeluarkan bateri.

⚠️ AMARAN: Jangan keluarkan bateri semasa telefon dihidupkan kerana ia mungkin akan merosakkan telefon.

3 Memasang kad USIM

Luncurkan kad USIM ke dalam pemegang kad USIM. Pastikan kawasan sentuh emas pada kad menghadap ke bawah. Untuk menanggalkan kad USIM, tarik dengan berhati-hati ke arah bertentangan.




4 Memasang bateri

Masukkan bahagian atas bateri dahulu ke dalam bahagian tepi atas petak bateri. Pastikan bahagian sentuh bateri sejajar dengan terminal telefon. Tekan bahagian bawah bateri hingga ia terklip di tempatnya.



5 Mengecap telefon

Luncur keluar penutup soket pengecas di bahagian sisi KF750 anda. Masukkan pengecas dan plag ke dalam soket elektrik sesalur. KF750 anda perlu dicas sehingga mesej yang tertulis Dicas Penuh muncul pada skrin.



01

02

03

04

05

06

07

08

Kad memori

Memasang kad memori

Anda boleh membesarkan ruang memori tersedia pada telefon anda menggunakan kad memori. KF750 boleh menyokong kad memori sebesar 4GB.

TIP: Kad memori adalah aksesori pilihan.

- 1 Tanggalkan penutup bateri seperti sebelum ini.
- 2 Luncurkan kad memori ke dalam slot pada bahagian atas, hingga ia berdetap di tempatnya. Pastikan kawasan sentuh emas menghadap ke bawah.




- 3 Tanggalkan penutup bateri seperti sebelum ini.

Memformat kad memori

Sekiranya kad memori anda sudah diformat, anda boleh mula menggunakannya. Sekiranya kad anda belum diformat anda perlu memformatnya.

1 Daripada skrin siap sedia tekan

 pilih Tetapan dan pilih Tetapan telefon.

- 2 Pilih pengurus memori kemudian pilih Memori luar.
- 3 Pilih format dan kemudian sahkan pilihan anda.
- 4 Masukkan kata laluan, sekiranya ia telah ditetapkan, dan kad anda akan diformat dan sedia untuk digunakan.

TIP! Untuk menukar destinasi penyimpanan lajai anda, buka Pengurus memori dari menu tetapan Telefon dan pilih tetapan penyimpanan Utama.

NOTA: Sekiranya kad memori anda mempunyai kandungan sedia ada ia akan difailkan secara automatik ke dalam folder yang betul, contohnya, video akan disimpan dalam folder Video Saya.

01

02

03

04

05

06

07

08

Peta menu



Permainan & Aplikasi

- 1 M-Toy
- 2 Permainan & aplikasi saya
- 3 Tetapan.



Memanggil

- 1 Buat panggilan video
- 2 Log panggilan
- 3 Tempoh panggilan
- 4 Jumlah data
- 5 Kos panggilan
- 6 Alihan panggilan
- 7 Sekatan panggilan
- 8 Nombor dailan tetap
- 9 Panggilan menunggu
- 0 Tetapan biasa
- # Tetapan panggilan video



Pengatur

- 1 Kalendar
- 2 Tugasan
- 3 Memo
- 4 Memo rahsia
- 5 Pencari tarikh
- 6 Tetapan



Multimedia

- 1 Media sentuh
- 2 Kamera
- 3 Kamera video
- 4 Muzik
- 5 Radio FM
- 6 Perakam suara
- 7 Editor kandungan
- 8 Pembuat filem



Pemesejan

- 1 Buat mesej baru
- 2 Peti masuk
- 3 Peti mel
- 4 Draf
- 5 Peti keluar
- 6 Item dihantar
- 7 Folder saya
- 8 Templat
- 9 Emotikon
- 0 Tetapan



Bahan saya

- 1 Imej saya
- 2 Bunyi saya
- 3 Video saya
- 4 Permainan & Aplikasi
- 5 Kandungan flash
- 6 Dokumen
- 7 Lain-lain
- 8 Memori luar



Google

- 1 Carian
- 2 Mel
- 3 Peta
- 4 Blogger
- 5 YouTube
- 6 Muat naik sejarah



Kenalan

- 1 Tambah baru
- 2 Carian
- 3 Dailan cepat
- 4 Kumpulan
- 5 Nombor dail perkhidmatan
- 6 Nombor sendiri
- 7 Kad niaga saya
- 8 Tetapan



Alat

- 1 Menu cepat
- 2 Penggera
- 3 Kalkulator
- 4 Jam randik
- 5 Penukar
- 6 Masa dunia
- 7 Perkhidmatan USIM



Penyemak imbas

- 1 Laman utama:
- 2 Masukkan alamat
- 3 Penanda buku
- 4 Pembaca RSS
- 5 Halaman Disimpan
- 6 Sejarah
- 7 Tetapan



Kesambungan

- 1 Bluetooth
- 2 Pelayan penyegerakan
- 3 Mod sambungan USB
- 4 TV keluar
- 5 PIN untuk sambungan DivX



Tetapan

- 1 Profil
- 2 Telefon
- 3 Skrin
- 4 Tarikh & Masa
- 5 Rangkaian
- 6 Profil Internet
- 7 Pusat akses
- 8 Sambgn Data Paket.
- 9 Keselamatan
- 0 Pengurus memori
- # Tetapan penstriman
- * Set semula tetapan

01

02

03

04

05

06


07

08

Skrin siap sedia anda

Setiap kali KF750 anda tidak digunakan ia akan kembali ke skrin siap sedia. Dari sini anda boleh mengakses pilihan menu, membuat panggilan pantas dan menukar profil anda - dan banyak lagi.

Petua skrin sentuh

Jika anda tekan , skrin akan bertukar kepada pad kekunci skrin sentuh Interaktif.

Tekan dan tahan kekunci skrin sentuh daripada skrin siap sedia untuk memasukkan menu multimedia lanjut. Untuk memilih item sentuh ikon pada skrin sentuh dengan tepat. KF750 anda akan sedikit bergetar apabila ia mengenal pasti yang anda telah menyentuh satu pilihan.

- Tidak perlu menekan terlalu kuat, skrin sentuh cukup sensitif untuk mengesan sentuhan ringan.
- Gunakan hujung jari anda untuk menyentuh pilihan yang anda perlukan. Berhati-hati supaya tidak tersentuh kekunci lain.
- Jangan tutup telefon dengan penutup atau kantung, kerana skrin sentuh tidak akan berfungsi sekiranya bahan lain menutupinya.

- Untuk keluar daripada skrin sentuh, sentuh ikon Laman Utama pada sudut atas kanan dengan sekali sentuhan. Telefon akan kembali ke skrin siap sedia utama.
- Pad sentuh di bahagian bawah skrin boleh digunakan sebagai pad anak panah empat hala untuk menavigasi ke seluruh menu telefon.

TIP! Gunakan skrin sentuh untuk akses mudah dan cepat kepada Muzik, Foto, Permainan, E-Book dan Radio.



Pad sentuh

NOTA: Apabila lampu skrin terpadam,

tekan kekunci kamera pada sebelah tangan kanan telefon untuk menyimpan semula skrin siap sedia.

Nasihat kepada pelanggan

Untuk membolehkan kesensitifan antena yang lebih baik, LG mencadangkan anda untuk memegang telefon bimbit seperti yang ditunjukkan di bawah.



Sila jangan lindungi kawasan antena dengan tangan anda semasa panggilan atau semasa menggunakan sambungan bluetooth la akan mengurangkan kualiti isyarat.

Bar status

Bar status menandakan, menggunakan pelbagai ikon, perkara seperti kekuatan isyarat, mesej baru dan hayat bateri selain memberitahu anda jika Bluetooth atau GPRS aktif.

Di bawah adalah jadual yang menerangkan maksud ikon yang anda akan nampak pada bar status.

Ikon	Penerangan
	Berbilangan Tugasan

Ikon	Penerangan
	Penjadual diaktifkan
	Kekuatan isyarat rangkaian (bilangan bar berubah-ubah)
	Tiada isyarat rangkaian
	Keselamatan diaktifkan
	Bateri habis
	Mesej teks baru
	Mesej suara baru
	E-mel baru
	Mesej multimedia baru
	Penggera ditetapkan
	Profil Normal digunakan
	Profil Luar Bangunan atau Disesuaikan (Kuat) digunakan
	Profile Senyap digunakan
	Memori luar
	Panggilan dialihkan
	GPRS tersedia
	EDGE digunakan
	Rayau
	Bluetooth diaktifkan
	Panggilan ditolak
	HSDPA tersedia
	3G tersedia

01

02

03

04

05



06

07

08

Panggilan

Membuat panggilan suara

- 1 Masukkan nombor termasuk kod penuh kawasan.
Untuk memadam satu digit tekan **C**.
Untuk memadam semua digit tekan dan tahan **C**.
- 2 Tekan  untuk membuat panggilan.
- 3 Tekan  atau tutup telefon bimbit untuk menamatkan panggilan.

Membuat panggilan video


Anda boleh membuat panggilan video di kawasan perkhidmatan liputan 3G sekiranya pengguna yang anda panggil mempunyai telefon video 3G dalam kawasan perkhidmatan liputan 3G. Anda juga boleh menerima panggilan video. Untuk membuat/ menjawab panggilan video, lakukan yang berikut.

- 1 Masukkan nombor telefon menggunakan pad kekunci, atau pilih nombor telefon daripada senarai panggilan dibuat/diterima. Untuk memperbaiki kesalahan, tekan **C** secara ringkas untuk

memadamkan nombor terakhir, atau tekan dan tahan **C** untuk memadamkan semua nombor.



- 2 Jika anda tidak mahu menggunakan pembesar suara telefon, pastikan alat dengar telefon dipasang.
- 3 Untuk memulakan fungsi video, tekan kekunci lembut sebelah kiri [**Pilihan**] dan pilih **Panggilan video**. Anda akan diberitahu yang anda perlu menutup aplikasi lain untuk membuat panggilan video.

NOTA: Panggilan video mungkin mengambil sedikit masa untuk disambungkan. Sila tunggu. Masa sambungan juga bergantung kepada kepantasan pihak satu lagi menjawab panggilan anda. Semasa panggilan video sedang disambungkan, anda akan lihat imej anda sendiri; selepas pihak satu lagi menjawab, imej mereka akan dipaparkan pada skrin.



- 4 Laraskan kedudukan kamera jika perlu.
- 5 Tekan  untuk menamatkan panggilan, atau tutup telefon bimbit.

Membuat panggilan suara/video daripada Kenalan


Mudah untuk menefon sesiapa sahaja yang nombornya tersimpan dalam Kenalan anda.

- 1 Sentuh kekunci lembut sebelah kanan untuk mengakses senarai kenalan.
- 2 Tatal ke kenalan untuk membuat panggilan.
- 3 Tekan  untuk membuat panggilan suara. Tekan kekunci lembut sebelah kiri dan pilih **Buat panggilan video** untuk membuat panggilan video.
- 4 Tekan  untuk menamatkan panggilan.

Membuat panggilan antarabangsa

- 1 Tekan dan tahan  untuk awalan antarabangsa. Aksara '+' memulakan kod akses antarabangsa.
- 2 Masukkan kod negara, kod kawasan, dan nombor telefon.
- 3 Tekan .

Menjawab dan menolak panggilan


Apabila telefon anda berdering tekan  kekunci keras untuk menjawab panggilan tersebut.

Tekan kekunci lembut sebelah kiri untuk membisukan deringannya. Fungsi ini bagus sekiranya anda terlupa menukar profil kepada Senyap dalam mesyuarat.

Tekan kekunci lembut sebelah kanan untuk menolak panggilan masuk.

Dail cepat

Anda boleh memberi nombor dail cepat kepada kenalan yang kerap dipanggil.

- 1 Tekan  dan pilih **Kenalan**.
- 2 Pilih **Dail cepat**.
- 3 Mel suara anda telah ditetapkan kepada dail cepat 1 Anda tidak boleh menukarnya. Pilih mana-mana nombor lain untuk memberinya kepada kenalan dail cepat.

01

02

03

04

05

06


07

08


Panggilan

- 4 Buku alamat anda akan dibuka. Pilih kenalan yang anda ingin berikan kepada nombor tersebut dengan menyentuh nombor telefon mereka dengan sekali sentuhan.

Untuk menelefon nombor dail cepat:

- 1 Tekan nombor yang diberikan kemudian tekan kekunci hantar , atau
- 2 Tekan dan tahan nombor yang diberikan hingga kenalan muncul pada skrin.

Membuat panggilan kedua

- 1 Semasa panggilan awal, sentuh kekunci lembut sebelah kiri dan pilih **Tambah panggilan baru**.
- 2 Dail nombor atau cari kenalan anda (lihat halaman 31 untuk butiran bagaimana membuat panggilan daripada Kenalan).
- 3 Tekan  untuk menyambungkan panggilan.
- 4 Kedua-dua panggilan akan dipaparkan pada skrin panggilan. Panggilan awal anda akan dikunci dan pemanggil akan diletakkan pada panggilan tunda.

- 5 Pilih **Tukar** untuk menukar antara kedua panggilan.
- 6 Untuk menamatkan satu atau kedua-dua panggilan pilih **Pilihan** → **Tamat** diikuti dengan **Semua** atau **Aktif**.

NOTA: Anda akan dikenakan bayaran untuk setiap panggilan yang anda buat.

Nada DTMF

DTMF membolehkan anda menggunakan arahan berangka untuk menavigasi menu dalam mesej automatik. DTMF dihidupkan sebagai lalai.

Melihat log panggilan

Tekan , pilih **Menelefon** → **Log panggilan**.


Pilih untuk melihat:

Semua panggilan - Melihat senarai penuh panggilan yang didail, diterima dan tidak dijawab.

Panggilan didail - Melihat senarai semua nombor yang anda telah panggil.

Panggilan diterima - Melihat senarai semua nombor yang telah menelefon anda.

Panggilan tidak dijawab - Melihat senarai semua nombor yang anda tidak jawab.

Tekan , pilih **Menelefon**.

Daripada Menelefon anda juga boleh memilih untuk melihat:


Tempoh panggilan - Melihat tempoh bagi semua panggilan yang dihantar dan diterima.

Jumlah data - Melihat jumlah kilobait semua data yang diterima dan dihantar.

Kos panggilan - Melihat caj bayaran yang dikenakan ke atas nombor yang anda panggil (perkhidmatan ini bergantung kepada rangkaian, sesetengah operator tidak dapat menyokong fungsi ini).

TIP! Daripada mana-mana senarai panggilan sentuh kekunci lembut sebelah kiri dan **Padam semua** untuk memadam semua item yang direkodkan.

Menggunakan alihan panggilan

- 1 Tekan , pilih **Menelefon**.
- 2 Pilih **Alihan panggilan** dan pilih **Panggilan suara** dan/atau **Panggilan video**.
- 3 Pilih sama ada untuk mengalih semua panggilan, semasa talian sibuk, semasa tiada jawapan atau semasa anda tidak dapat dihubungi.
- 4 Masukkan nombor yang akan menyambut panggilan yang dialih.
- 5 Pilih **Aktifkan** untuk mengaktifkan.

NOTA: Bayaran akan dikenakan untuk panggilan yang dialih. Sila hubungi pembekal rangkaian untuk maklumat lanjut.

TIP! Untuk mematikan semua alihan panggilan, pilih **Nyahaktifkan semua**.

01

02

03

04

05


06

07

08


Panggilan

Menggunakan sekatan panggilan

- 1 Tekan , pilih **Menelefon**.
- 2 Pilih **Sekatan panggilan** dan pilih **Panggilan suara** dan/atau **Panggilan video**.
- 3 Pilih mana-mana pilihan:
Semua panggilan keluar
Panggilan antarabangsa keluar
Panggilan antarabangsa keluar kecuali negara asal
Semua panggilan masuk
Panggilan masuk ketika di luar negara
- 4 Masukkan kata laluan sekatan panggilan. Sila semak dengan operator rangkaian anda untuk perkhidmatan ini.

TIP! Pilih **Nombor dail tetap** untuk menghidupkan dan menyusun senarai nombor yang boleh dipanggil daripada telefon anda. Anda memerlukan kod PIN2 daripada operator anda. Apabila diaktifkan, hanya nombor yang disertakan dalam senarai dail tetap boleh dipanggil daripada telefon anda.

Menukar tetapan biasa panggilan

- 1 Tekan , pilih **Menelefon**.
- 2 Pilih **Tetapan biasa**. Dari sini anda boleh mengubah tetapan untuk:
Panggilan ditolak - Pilih Hidup atau Mati dan pilih untuk menolak semua panggilan, nombor daripada kumpulan tertentu, kenalan, nombor tidak berdaftar (nombor yang tiada dalam kenalan anda atau nombor yang tidak mempunyai ID pemanggil).
Hantar nombor saya - Pilih jika nombor anda akan dipaparkan ketika anda menelefon seseorang.
Dail semula auto - Pilih Hidup atau Mati.

Mod jawab - Pilih sama ada untuk menjawab telefon menggunakan kekunci Hantar, sebarang kekunci, atau dengan membuka gelangsar.


Penjaga minit - Pilih Hidup untuk mendengar nada setiap minit semasa panggilan.

Mod jawab BT - Pilih Bebas Tangan supaya boleh menjawab panggilan menggunakan alat dengar Bluetooth atau pilih Telefon Bimbit untuk menekan kekunci pada telefon bimbit untuk menjawab panggilan semasa menggunakan alat dengar Bluetooth.

Simpan nombor baru - Pilih Ya untuk menyimpan nombor baru.

Tetapan tutup Gelangsar - Pilih Tamatkan panggilan supaya boleh memutuskan sambungan kepada panggilan apabila menutup gelangsar.

Menukar tetapan panggilan video

- 1 Tekan , pilih **Menelefon**.
- 2 Pilih **Tetapan panggilan video**.
- 3 Tentukan sama ada untuk **Menggunakan gambar peribadi** dan pilih satu dan/atau, hidupkan **Cermin** (supaya anda dapat melihat diri anda pada skrin).

01

02

03

04

05

06

07

08

Kenalan

Mencari kenalan

Ada dua cara untuk mencari kenalan:

Daripada skrin siap sedia


- 1 Daripada skrin siap sedia sentuh kekunci lembut sebelah kanan untuk membuka buku alamat.
- 2 Pilih huruf yang bersepadanan dengan huruf pertama kenalan yang anda ingin lihat. Jadi, untuk 'Laman Utama' pilih **E-H**.

TIP! Anda boleh mencari berdasarkan kumpulan dengan menyentuh kekunci lembut sebelah kanan dan memilih **Carian mengikut kumpulan**. Ini akan menunjukkan senarai semua kumpulan anda.

Daripada menu utama

- 1 Pilih **Kenalan**.
- 2 Pilih **Carian** dan masukkan beberapa huruf pertama kenalan yang anda ingin cari menggunakan pad kekunci.
- 3 Buku alamat anda akan menunjukkan senarai kenalan yang bersepadanan dengan huruf yang anda masukkan.

Menambah kenalan baru

- 1 Tekan  dan pilih **Kenalan**.
- 2 Pilih **Tambah baru**.
- 3 Pilih sama ada untuk menyimpan kenalan dalam **Telefon Bimbit** atau **USIM**.
- 4 Masukkan nama perama dan akhir kenalan baru anda. Anda tak perlu memasukkan keduanya, tapi anda perlu memasukkan salah satu daripadanya.
- 5 Masukkan sehingga lima nombor berlainan dan berikan jenis untuk setiap satunya. Pilih **Telefon Mudah Alih, Rumah, Pejabat, Kelui, Faks, VT** dan **Umum**. Sentuh **OK**.
- 6 Tambah sehingga dua alamat e-mel.
- 7 Berikan kenalan satu kumpulan. Pilih **Tiada kumpulan, Keluarga, Rakan, Rakan Sejawat, Sekolah** atau **VIP**.
- 8 Anda juga boleh menambah **Laman Utama, Alamat rumah, Nama syarikat, Jawatan, Alamat syarikat** dan **Memo**.

TIP! Anda boleh membuat kumpulan disesuaikan bagi kenalan anda, lihat **Membuat kumpulan** di bawah.

Pilihan kenalan

Banyak yang anda boleh lakukan semasa melihat kenalan. Ini cara untuk mengakses dan menggunakan menu pilihan:

- 1 Buka kenalan yang anda ingin guna. Lihat **Mencari kenalan** pada halaman 30.
- 2 Tekan kekunci lembut sebelah kiri untuk membuka senarai pilihan. Dari sini anda boleh:
 - Mengedit** - Menukar mana-mana butiran kenalan.
 - Menghantar mesej** - Menghantar mesej atau e-mel kepada kenalan. Lihat halaman **34 untuk maklumat lanjut bagaimana untuk menghantar mesej.**

Menghantar kad niaga

- Menghantar butiran kenalan kepada orang lain sebagai kad niaga. Pilih untuk menghantar sebagai Mesej teks, Mesej multimedia, E-mel atau melalui Bluetooth.

Membuat panggilan suara -

Menelefon kenalan.

Membuat panggilan video

- Menelefon kenalan dengan panggilan video.

Menyimpan dalam USIM/ Telefon

Bimbit - Pilih untuk memindah atau menyalin ke kad USIM atau telefon bimbit (bergantung kepada di mana anda menyimpan kenalan tersebut pada asalnya).

Memadam - Memadam kenalan.

Sentuh Ya jika anda pasti.

01

02

03

04

05


06

07

08

Kenalan


Membuat kumpulan

- 1 Tekan  dan pilih **Kenalan**.
- 2 Pilih **Kumpulan** dan sentuh kekunci lembut sebelah kiri.
- 3 Pilih **Tambah kumpulan baru**.
- 4 Masukkan nama untuk kumpulan baru anda.
- 5 Sentuh **Selesai**.

NOTA: Jika anda memadam kumpulan, kenalan yang diberikan kepada kumpulan tersebut tidak akan hilang. Kenalan akan kekal dalam buku alamat anda.

TIP! Anda boleh mengedit kumpulan sedia ada dengan menyerlahkannya dan menyentuh kekunci lembut sebelah kiri. Pilih untuk **Tambah ahli** kepada kumpulan daripada kenalan anda, berikan **Nada dering kumpulan**, Namakan semula kumpulan tersebut atau Padam kumpulan.

Menggunakan nombor dailan perkhidmatan

Anda boleh melihat senarai Nombor Dailan Perkhidmatan (SDN) yang diberikan oleh pembekal khidmat anda (sekiranya disokong oleh kad USIM). Nombor ini termasuklah nombor kecemasan, pertanyaan direktori dan mel suara. Selepas memilih satu nombor, tekan  untuk mendail perkhidmatan.

Melihat nombor sendiri


Membolehkan anda memapar nombor telefon sendiri dalam kad USIM.

Membuat kad niaga

Anda boleh membuat kad niaga sendiri dengan memilih Kad Niaga saya dan Tambah. Selepas memasukkan nama, nombor, e-mel dan imej, anda boleh menggunakannya sebagai kad niaga semasa menghantar mesej.

Menukar tetapan kenalan

Anda boleh menyesuaikan tetapan kenalan supaya buku alamat anda berfungsi mengikut kemahuan anda.

- 1 **Tekan**  dan pilih Kenalan.
- 2 Pilih **Tetapan**. Dari sini anda boleh menyesuaikan tetapan yang berikut:

Tetapan senarai kenalan - Pilih sama ada untuk melihat kenalan yang disimpan dalam kedua-dua Telefon Bimbit & USIM, Telefon Bimbit sahaja atau USIM sahaja. Anda juga boleh memilih untuk menunjukkan nama pertama atau akhir bagi kenalan terlebih dahulu, dan untuk menunjukkan gambar kenalan.

Menyegerak kenalan -

Sambung ke pelayan anda untuk menyegerakkan kenalan. Lihat Menyegerakkan kenalan anda pada halaman 80.

Menyalin - Salin kenalan anda daripada USIM ke telefon bimbit atau daripada telefon bimbit ke USIM. Pilih untuk melakukannya satu demi satu, atau semua sekaligus.

Memindah - Ini berfungsi dengan cara yang sama seperti Menyalin, tetapi kenalan hanya akan disimpan di lokasi di mana anda memindahkannya. Jika anda memindah kenalan daripada USIM ke telefon bimbit ia akan dipadam daripada memori USIM.

Menghantar semua kenalan

melalui Bluetooth - Hantar semua maklumat kenalan ke telefon bimbit lain melalui Bluetooth.

Membuat sandaran untuk

kenalan - Lihat Membuat sandaran dan menyimpan semula maklumat telefon pada halaman 80.

Meyimpan semula kenalan

- Lihat Membuat sandaran dan menyimpan semula maklumat telefon pada halaman 80.

Mengosongkan kenalan -

Padam semua kenalan anda. Sentuh Ya jika anda pasti anda mahu mengosongkan buku alamat anda.

Maklumat memori - Anda boleh memeriksa berapa banyak ruang memori yang tinggal dalam telefon bimbit atau USIM anda.

01

02

03

04

05

06

07


08


Pemesejan


Pemesejan

KF750 anda menggabungkan SMS, MMS dan e-mel dalam satu menu intuitif dan mudah digunakan.

Menghantar mesej


- 1 Pilih **Pemesejan** kemudian pilih **Buat mesej baru**.
- 2 Pilih **Mesej** untuk menghantar SMS atau MMS. Atau untuk menghantar e-mel, pilih **E-mel**. Lihat halaman 35 untuk maklumat lanjut.
- 3 Jika anda memilih Mesej, SMS baru akan dibuka.
- 4 Pilih **Pilihan** kemudian **Masukkan**, untuk menambah imej, video, bunyi, atau subjek.
- 5 Tekan  **Hantar**. Masukkan nombor telefon atau pilih **Kenalan** untuk membuka senarai kenalan. Anda boleh menambah kenalan berbilang.

 **AMARAN:** Anda akan dicaj bagi setiap mesej teks 160 aksara untuk setiap penerima mesej tersebut.

 **AMARAN:** Sekiranya satu imej, video atau bunyi ditambah kepada SMS ia akan ditukar kepada MMS secara automatik dan anda akan dicaj seperti sewajarnya.


Memasukkan teks


Ada dua cara untuk memasukkan teks: Manual Abc dan ramalan T9.

Untuk menukar kaedah kemasukan teks tekan dan tahan  kekunci semasa anda sedang menulis mesej.

Teks ramalan T9 - Hidupkan teks ramalan T9 kemudian pilih **abc T9**, **Abc T9** atau **123**.

Manual Abc - Pilih **Abc**, **ABC** atau **123**.

Untuk menukar di antara huruf besar, kecil dan tajuk tekan  kekunci.

Untuk memadam aksara gunakan  kekunci keras pada bahagian bawah skrin.

Untuk memasukkan simbol pilih **Pilihan** dan **Masukkan**.

Ramalan T9

Mod T9 menggunakan kamus terbina dalam untuk mengenal pasti perkataan yang anda tulis berdasarkan urutan kekunci yang anda sentuh. Hanya tekan kekunci nombor yang berkaitan dengan huruf yang anda ingin masukkan, dan kamus akan mengenal pasti perkataan sebaik sahaja semua huruf dimasukkan. Contohnya, tekan 8, 3, 5, 3, 7, 4, 6, 6, 3 untuk menulis 'telephone'.

Manual Abc

Dalam mod Abc anda perlu menekan kekunci berulang kali untuk memasukkan huruf. Contohnya, untuk menulis 'hello', tekan **4** dua kali, **3** dua kali, **5** tiga kali, sekali lagi **5** tiga kali, kemudian **6** tiga kali.

Menetapkan e-mel

Anda boleh berhubung sambil bergerak menggunakan e-mel dalam KF750 anda. Cepat dan mudah untuk menetapkan akaun e-mel POP3 atau IMAP4.

- 1 Pilih **Pemesejan** kemudian pilih **Tetapan**.
- 2 Pilih **E-mel** kemudian **Akaun e-mel**.
- 3 Sekarang anda boleh memilih cara akaun anda berfungsi:

Tajuk - Masukkan nama untuk akaun ini.

Nama saya - Masukkan nama anda.

Nama pengguna - Masukkan nama pengguna akaun.

Kata laluan - Masukkan kata laluan akaun.

Alamat e-mel - Masukkan alamat e-mel akaun.

Alamat e-mel balasan - Masukkan alamat e-mel 'balas kepada'.

Pelayan mel keluar - Masukkan butir akaun.

Pelayan mel masuk - Masukkan butir akaun.

01

02

03

04

05

06

07

08

Pemesejan

Saiz penerimaan maksimum - Pilih had saiz e-mel anda, maksimum ialah 1MB.

Jenis peti mel - Masukkan jenis peti mel, POP3 atau IMAP4.

Simpan di pelayan - Pilih jika untuk menyimpan e-mel anda di pelayan. Bagi akaun IMAP4 salinan sentiasa disimpan.

Simpan e-mel yang dihantar dalam - Pilih di mana untuk menyimpan e-mel IMAP4 anda. Bagi akaun POP3 salinan sentiasa disimpan dalam telefon.

Pusat akses - Pilih pusat akses Internet anda.

Ambilan semula auto - Pilih jika untuk mengambil e-mel baru anda secara automatik.

Tetapan lanjutan - Pilih jika untuk menggunakan tetapan lanjutan. Nombor port SMTP - Selalunya, ia adalah 25.

Port pelayan masuk - Selalunya, ia adalah 110 bagi akaun POP3 dan 143 bagi akaun IMAP4.

Pengesahan SMTP - Pilih tetapan keselamatan bagi pelayan mel keluar

Nama pengguna SMTP - Masukkan nama pengguna SMTP.

Kata laluan SMTP - Masukkan kata laluan SMTP.

Log masuk terjamin APOP - Pilih untuk mengaktifkan log masuk terjamin APOP bagi akaun POP3. Akaun IMAP4 sentiasa ditetapkan dalam mod mati.

Sekarang akaun anda telah ditetapkan, ia akan muncul dalam senarai akaun dalam folder E-mel anda.

Mendapatkan semula e-mel anda

Anda boleh memeriksa akaun anda secara automatik atau manual untuk e-mel baru. Lihat 'Menukar tetapan e-mel anda' untuk memeriksa secara automatik.

Untuk memeriksa secara manual:

- 1 Pilih **Pemesejan** kemudian **Peti Mel**.
- 2 Pilih akaun yang anda ingin guna.

- 3 Pilih **Dapatkan Semula** dan telefon akan menyambung ke akaun e-mel anda dan mendapatkan semula mesej baru.

Menghantar e-mel menggunakan akaun baru anda

- 1 Pilih **Pemesejan** kemudian pilih **Buat baru**.
- 2 Pilih **E-mel** dan e-mel baru akan dibuka.
- 3 Gunakan tab dan **Pilihan** untuk memasukkan alamat penerima dan untuk menulis mesej. Guna **Masukkan** untuk melampirkan imej, video, bunyi atau jenis fail lain.
- 4 Pilih **Hantar** dan e-mel anda akan dihantar.

TIP! Anda boleh mengemulakan dokumen Word, Excel, Power Point dan PDF ke KF750 anda supaya anda boleh melihatnya semasa bergerak.

Menukar tetapan e-mel anda

Anda boleh menyesuaikan tetapan e-mel anda supaya ia berfungsi mengikut kemahuan anda.

- 1 Pilih **Pemesejan** kemudian buka **Tetapan**.
- 2 Pilih **E-mel** dan kemudian anda boleh menyesuaikan tetapan berikut:

Membolehkan balasan e-mel

- Pilih untuk membolehkan penghantaran mesej 'pengesahan bacaan'.

Meminta balasan e-mel - Pilih jika untuk meminta mesej 'pengesahan bacaan'.

Ambil semula selaan - Pilih berapa kerap KF750 anda memeriksa mesej e-mel baru.

Sertakan mesej dalam Alih & Balas - Pilih untuk menyertakan mesej asal atau tidak.

Sertakan lampiran - Pilih untuk menyertakan lampiran asal.

01

02

03

04

05

06

07

08

Pemesejan

Ambilan semula auto dalam Perayaan - Pilih untuk mengambil semula secara auto mesej anda semasa di luar negara, atau hentikan ambilan semula auto.

Pemberitahuan e-mel baru - Pilih jika untuk diberitahu tentang e-mel baru.

Tanda tangan - Buat tanda tangan e-mel dan hidupkan ciri ini.

Keutamaan - Pilih tahap keutamaan mesej e-mel anda.

Folder mesej

Struktur folder yang digunakan dalam KF750 anda dalam Pemesejan adalah jelas dengan sendirinya.

Peti masuk - Semua mesej yang anda terima ditempatkan di dalam peti masuk anda. Dari sini anda boleh membalas, mengalih dan banyak lagi, lihat di bawah untuk maklumat lanjut.

Peti mel - Semua e-mel yang anda terima ditempatkan dalam Peti mel.

Draf - Jika anda tiada masa untuk menghabiskan mesej yang ditulis, anda boleh menyimpan setakat yang telah ditulis di sini.

Peti keluar - Ini adalah folder simpanan sementara untuk ketika mesej dihantar.

Item dihantar - Semua mesej yang telah dihantar ditempatkan di dalam folder Item dihantar.

Folder saya - Anda boleh menguruskan mesej dalam folder ini.

Menguruskan mesej

Anda boleh menggunakan Peti masuk untuk mengurus mesej anda.

1 Pilih **Pemesejan** kemudian **Peti Masuk**.

2 Pilih Pilihan dan kemudian pilih untuk:

Membalas - Hantar balasan bagi mesej yang dipilih.

Mengalih - Hantar mesej yang dipilih kepada orang lain.

Menelefon - Buat panggilan Suara atau Video kepada orang yang menghantar mesej kepada anda.

Memadam - Padam mesej.

Membuat mesej baru - Buka e-mel atau mesej baru dan kosong.

Menanda/membuang Tanda -

Tandakan mesej untuk pemadaman berbilang.

Menyalin & Mengalih - Salin atau Alih mesej ke telefon, USIM atau Folder saya.

Menapis - Lihat mesej berdasarkan jenis. Ini akan mengelompokkan SMS berasingan dengan MMS.

Maklumat mesej - Lihat maklumat tambahan bagi mesej, termasuk masa ia di hantar dan laporan penghantaran dan pembacaan.

Jika anda lihat mesej **Tiada ruang untuk mesej USIM** anda perlu memadam beberapa mesej daripada peti masuk anda.

Jika anda lihat mesej **Tiada ruang untuk mesej** anda boleh memadam sama ada mesej atau fail yang disimpan untuk mewujudkan ruang.

Menggunakan templat

Buat templat untuk mesej SMS MMS yang kerap anda hantar. Anda akan lihat templat yang telah sedia ada dalam telefon, anda boleh mengeditnya jika mahu.

- 1 Pilih **Pemesejan** kemudian pilih **Templat**.
- 2 Pilih **Templat teks** atau **Templat multimedia**. Anda kemudian boleh memilih Pilihan untuk **Tambah baru, Edit, Padam** atau **Padam semua** templat.

Menggunakan emotikon

Ceraiikan mesej anda dengan emotikon. Anda akan lihat emotikon yang biasa digunakan telah sedia ada dalam telefon anda.

- 1 Pilih **Pemesejan** kemudian pilih **Emotikon**.
- 2 Pilih Pilihan untuk **Tambah baru, Edit, Padam** atau **Padam semua** emotikon.

01

02

03

04

05

06

07

08

Permesejan

Menukar tetapan mesej teks anda

Tetapan mesej KF750 anda telah dipratetapkan supaya anda boleh menghantar mesej dengan serta-merta. Jika anda ingin menukar tetapan, anda boleh lakukan seperti di bawah.

Pilih **Pemesejan** kemudian pilih **Tetapan** kemudian **Mesej teks**. Anda boleh buat perubahan kepada:

Pusat mesej teks - Masukkan butir pusat mesej anda.

Laporan Penghantaran - Pilih untuk menerima pengesahan bahawa mesej anda telah dihantar.

Tempoh kesahan - Pilih berapa lama mesej anda disimpan di pusat mesej.

Jenis mesej - Tukar eks anda kepada **Suara, Faks, X.400** or **E-mel**.

Pengekodan aksara - Pilih bagaimana aksara dalam mesej anda dikodkan, ini memberi kesan kepada saiz mesej dan sekaligus caj data.

Hantar teks panjang sebagai - Pilih untuk menghantar sebagai **SMS Berbilang** atau sebagai satu **MMS**.

Menukar tetapan mesej multimedia anda

Tetapan mesej KF750 anda telah dipratetapkan supaya anda boleh menghantar mesej dengan serta-merta. Jika anda ingin menukar tetapan, anda boleh lakukan seperti di bawah.

Pilih **Pemesejan** kemudian pilih **Tetapan** kemudian **Mesej Multimedia**. Anda boleh buat perubahan kepada:

Mod ambil semula - Pilih rangkaian **Rumah** atau **Perayauan**. Jika anda kemudiannya memilih **Manual** anda akan menerima hanya pemberitahuan MMS dan anda boleh kemudiannya memutuskan sama ada untuk memuat turun sepenuhnya atau tidak.

Laporan penghantaran - Pilih untuk membolehkan dan/atau meminta laporan penghantaran.

Balasan Pembacaan - Pilih untuk membolehkan dan/atau menghantar balasan pembacaan.

Keutamaan - Pilih tahap keutamaan MMS anda.

Tempoh kesahan - Pilih berapa lama mesej anda disimpan di pusat mesej.

Tempoh Slaid - Pilih berapa lama slaid anda muncul pada skrin.

Mod pembuatan - Pilih mod mesej anda.

Masa penghantaran - Hantar mesej anda pada masa tertentu.

Pusat mesej multimedia - Masukkan butir pusat mesej anda.

Menukar tetapan lain

Pilih **Pemesejan**, pilih **Tetapan** kemudian:

Perkhidmatan maklumat - Pilih status penerimaan, bahasa dan tetapan lain.

Mesej perkhidmatan - Pilih untuk menerima atau menghalang mesej perkhidmatan. Anda juga boleh menetapkan keselamatan mesej anda dengan membuat senarai penghantar yang dipercayai dan tidak dipercayai.

01

02

03

04

05

06

07

08


Kamera

Mengambil gambar segera

- 1 Tekan kekunci pada sebelah tangan kanan pada telefon bimbit dan pencari pandang kamera akan muncul pada skrin.
- 2 Dengan memegang telefon secara mendatar, tujukan lensa kepada subjek gambar.
- 3 Tekan sedikit butang tangkap dan kotak fokus akan muncul di bahagian tengah skrin pencari pandangan.
- 4 Posisikan telefon supaya anda dapat melihat subjek gambar dalam kotak fokus.
- 5 Apabila kotak fokus bertukar menjadi hijau, kamera telah memfokuskan kepada subjek anda.
- 6 Tekan butang tangkap sepenuhnya.

Sesudah mengambil gambar

Gambar yang anda tangkap akan muncul pada skrin. Nama imej dilarikan di bahagian bawah skrin bersama lima ikon di bahagian bawah kanan.



Back Kembali ke menu sebelumnya.

Lihat gambar yang anda telah ambil dalam Album.

Hantar gambar sebagai MMS, E-mel atau melalui Bluetooth. Lihat halaman 34 untuk **Menghantar mesej**, halaman 86 untuk **Menghantar dan menerima fail menggunakan Bluetooth**.

Terus ambil satu lagi gambar. Gambar semasa anda kan disimpan.


Guna imej sebagai kertas hias dinding, sebagai imej Kenalan, atau pada skrin Permulaan atau Tutup.

Padam gambar yang anda baru ambil dan sahkan dengan menyentuh **Ya**. Pencari pandangan akan muncul semula.

TIP! Dalam mod kamera pilih Mainkan ikon untuk membuka album foto. Lihat halaman 48, **Melihat foto yang telah disimpan**, untuk maklumat lanjut.

Menggunakan flash

Flash dimatikan secara lalai, tetapi ada pilihan lain.



- 1 Pilih  daripada sudut atas kanan pencari pandangan untuk memasukkan sub-menu flash.
- 2 Ada tiga pilihan flash:
 - Sentiasa hidup** - Kamera anda akan mengakses cahaya yang diperlukan untuk mengambil gambar yang cantik dan menggunakan flash seperti mana diperlukan.
 - Semasa mengambil** - Kamera akan mengeluarkan flash dua kali untuk mengurangkan mata merah.
 - Mati** - Kamera tidak langsung mengeluarkan flash. Ini berguna jika anda ingin menjimatkan kuasa bateri.
- 3 Pilih pilihan flash yang anda inginkan.

- 4 Selepas membuat pilihan menu flash akan tertutup secara automatik, bersedia untuk anda mengambil gambar.
- 5 Ikon flash pada pencari pandangan akan bertukar mengikut mod flash anda.

NOTA: Setiap kali keluar daripada kamera, tetapan flash akan kembali ke mod mati. Anda perlu menghidupkan semula flash jika masih memerlukannya apabila membuka semula kamera.

Melaraskan kecerahan

Kontras menjelaskan perbezaan antara cerah dan gelap dalam imej. Imej yang berkontras rendah akan nampak samar-samar, manakala imej berkontras tinggi akan nampak lebih tajam.

- 1 Pilih **Kecerahan** dalam **Tetapan**.
- 2 Luncurkan penunjuk kecerahan pada bar, menghala  untuk kontras rendah, imej berkabus atau menghala  untuk kontras tinggi, imej lebih tajam.

01

02

03

04

05

06

07

08

Kamera

Memilih mod tangkapan

- 1 Pilih **Tetapan** untuk membuka mod tangkapan tersedia.
- 2 Pilih daripada empat pilihan:

Tangkapan normal -Ini jenis tangkapan lalai, gambar diambil dengan cara biasa, seperti yang digariskan dalam Mengambil gambar segera pada halaman 42.

Tangkapan bertubi - Ini membolehkan anda untuk mengambil sembilan tangkapan secara automatik dalam turutan yang pantas. Lihat Menggunakan mod tangkapan bertubi di bawah untuk maklumat lanjut.

Tangkapan bingkai - Pilih salah satu bingkai menarik untuk mengubah kawan anda menjadi seorang lanun atau hanya hiaskan latar mereka.

Panorama - Jenis tangkapan ini bagus untuk mengambil gambar sekumpulan besar orang atau untuk mengambil pemandangan yang berpanorama. Lihat Ambil tangkapan panorama pada halaman 45 untuk maklumat lanjut.

Menggunakan mod tangkapan bertubi

Mod tangkapan bertubi bagus untuk mengambil gambar objek bergerak atau dalam acara sukan.

- 1 Pilih **Tangkapan bertubi**.
- 2 Posisikan subjek dalam pencari pandangan dan tekan butang tangkap seperti yang anda lakukan untuk mengambil gambar biasa.
- 3 Kamera akan mengambil sembilan tangkapan dalam turutan pantas dan memaparkan gambar pertama dengan lapan imej kecil di sebelah kiri skrin.
- 4 Pilih tangkapan yang anda ingin simpan dengan memilih imej kecil: sekali untuk melihat dan pilih **Simpan** untuk menyimpan.
- 5 Tanda semakan akan muncul di sebelah imej kecil tersebut. Pilih **Simpan** untuk keluar.

Menggunakan mod tangkapan bingkai

Tangkapan bingkai boleh digunakan untuk mengubah kawan anda menjadi seorang lanun, atau hanya untuk menghias latar mereka dengan bingkai.

- 1 Pilih menu **Tangkapan bingkai**.
- 2 Posisikan subjek dalam bingkai ria dan tekan butang tangkap.
- 3 Simpan imej dengan memilih **Simpan**.

Mengambil tangkapan panorama

Tangkap gambar kehidupan sebenar menggunakan tangkapan panorama. Kamera membenarkan anda mengambil tiga foto, semuanya sejajar, dan menggabungkannya dalam satu imej supaya pandangan sudut lebar anda menjadi foto panorama.

- 1 Pilih **Panorama**.
- 2 Ambil gambar terlebih dahulu secara normal. Versi bayangan bahagian kanan imej akan dipaparkan di pencari pandangan.

3 Apabila anda mengambil foto kedua dan ketiga, sejajarkan bayangan imej sebelumnya dengan imej seterusnya pada pencari pandangan.

4 Dalam album foto, foto akan disimpan sebagai tiga imej berbeza dan satu imej panorama.

NOTA: Memandangkan saiz imej yang besar foto panorama akan kelihatan sedikit herot dalam pandangan Album.

Gunakan tetapan lanjutan

Dari pencari pandangan pilih **Tetapan**, dan buka semua pilihan Lain-lain tetapan lanjutan.

Saiz - Tukar saiz foto untuk menyimpan ruang memori atau ambil gambar untuk set semula saiz yang betul untuk hubungan. Lihat **Menukar saiz imej** pada halaman 47.

Mod Adegan - Setkan tkamera untuk melaraskan persekitaran. Pilih daripada **Auto**, **Potret**, **Landskap**, **Malam**, **Pantai**, **Sukan**, dan **Parti**.

Kecerahan - Setkan kontra imej dalam pencari pandangan kamera.

01

02

03

04

05

06

07

08

Kamera

Kesan - Pilih tona warna untuk digunakan pada foto yang anda ambil. Lihat **Memilih tona warna** pada halaman 47.

Imbangan Putih - Imbangan Putih memastikan apa-apa warna putih dalam foto anda adalah realistik. Untuk membolehkan kamera menyesuaikan imbangan putih dengan betul, anda mungkin perlu menentukan keadaan cahaya. Pilih daripada **Auto**, **Waktu Siang**, **Redup**, **Menerangi** atau **Dalam Bangunan**.

Pemasa - Pemasa sendiri membolehkan anda mengeset tundaan selepas butang tangkap ditekan. Pilih daripada **3 saat**, **5 saat** atau **10 saat**. Bagus untuk foto kumpulan yang anda juga ingin sertai!

Mod Tangkapan- Lihat halaman 44.

ISO - ISO menentukan sensitiviti pengesanan cahaya kamera. Lebih tinggi ISO, lebih sensitif kamera terhadap cahaya. Ini berguna dalam keadaan lebih gelap apabila flash tidak boleh digunakan. Pilih nilai ISO daripada **ISO 50**, **ISO 100**, **ISO 200**, **ISO 400** atau **ISO 800**.

Saiz - Tukar saiz foto untuk menyimpan ruang memori atau ambil gambar untuk set semula saiz yang betul untuk hubungan. Lihat **Menukar saiz imej** pada halaman 47.

Makro - Mod makro membolehkan anda mengambil foto jarak sangat dekat. Jika anda cuba mengambil foto jarak dekat tetapi kotak fokus kekal merah, cuba pasang mod makro.

Dari pencari pandangan pilih **Tetapan**, dan buka semua pilihan **Pratonton** tetapan lanjutan.

Memori yang digunakan - Pilih sama ada mahu menyimpan foto dalam memori **Telefon Bimbit** atau memori **Luaran**.

Sembunyikan ikon - Setkan sama ada mahu sembunyikan ikon secara automatik pada bahagian sisi pencari pandangan.

Fokus auto - Pilih gaya fokus.

Bunyi - Pilih satu daripada tiga bunyi pengatup.

NOTA: Selalu pilih **Simpan** selepas memilih tetapan baru untuk melaksanakan perubahan yang anda buat.

TIP! Apabila anda keluar dari kamera semua tetapan akan kembali kepada lalai, kecuali saiz imej dan kualiti imej. Apa-apa tetapan bukan lalai yang anda perlukan mesti diset semula, contohnya tona warna dan ISO. Periksa sebelum mengambil foto anda seterusnya.

TIP! Menu tetapan ditindih di atas pencari pandangan, supaya apabila anda menukar elemen warna atau kualiti imej anda dapat lihat perubahan imej pada pratonton di belakang menu tetapan. Jangan lupa memilih **Simpan** sebelum keluar untuk mengaktifkan apa-apa perubahan.

Menukar saiz imej

Lebih banyak piksel, lebih besar saiz fail, yang bermakna ia mengambil banyak ruang memori. Jika anda mahu menyimpan lebih banyak gambar dalam telefon atau kad memori anda boleh menukar nombor piksel untuk menjadikan saiz fail lebih kecil.

- 1 Dari pencari pandangan pilih **Tetapan** di sudut kiri bawah.
- 2 Pilih **Saiz**.
- 3 Pilih nilai piksel daripada enam pilihan nombor (**5M: 2592x1944, 3M: 2048x1536, 2M: 1600x1200, 1M: 1280x960, 640x480, 320x240**) atau pilih praset:

Kenalan - Ini mengeset kamera untuk mengambil foto dengan saiz yang tepat untuk dimasukkan dalam kenalan telefon.

- 4 Pilih pilihan saiz yang anda ingin gunakan dan sentuh **Pilih** untuk melaksanakan perubahan anda. Menu tetapan akan ditutup secara automatik, sedia untuk anda mengambil gambar.

Memilih tona warna

- 1 Dari pencari pandangan pilih **Tetapan** di sudut kiri bawah.
- 2 Pilih **Kesan**.
- 3 Ada dua belas pilihan tona warna: **Tiada, Hitam & Putih, Negatif, Biru Sepia, Timbul, Lakaran, Keunguan, Kebiru-biruan, Monokrom, Edgemap**, atau **Pemposteran**.

01

02

03

04

05

06

07

08

Kamera

- 4 Pilih tona warna yang anda ingin gunakan dan tekan **Pilih**.
- 5 Selepas membuat pilihan menu tona warna akan tertutup secara automatik, bersedia untuk anda mengambil gambar.

TIP! Anda boleh menukar foto yang diambil kepada warna hitam dan putih atau sepia, tetapi anda tidak boleh menukar gambar yang diambil dalam warna putih atau sepia kepada warna asalnya.

Melihat foto yang disimpan

- 1 Anda boleh mengakses foto yang disimpan daripada dalam mod kamera dan daripada Album pada bahagian atas menu ikon.
- 2 Album anda akan terpapar pada skrin.
- 3 Pilih foto yang anda mahu lihat untuk membawanya ke hadapan album.
- 4 Pilih foto kali kedua untuk membuka sepenuhnya.

Tetapkan satu foto sebagai skrin Laman Utama atau imej Kenalan


Daripada album, pilih imej dan **Gunakan sebagai** untuk menggunakan imej sebagai skrin Laman Utama atau imej Kenalan.

NOTA: Imej kenalan hanya boleh ditambah pada kenalan yang disimpan dalam telefon anda, bukan kad SIM anda.

TIP! Anda juga boleh mengakses foto anda menggunakan skrin sentuh. Tekan kekunci lembut kiri pada sebelah kanan telefon dan sentuh ikon **Foto**. Anda boleh tatal menerusi gambar anda dengan menyentuh skrin.

Kamera video

Menangkap video pantas


- 1 Gerakkan mod kamera dan alih ke . Pencari pandangan kamear video akan muncul pada skrin.
- 2 Dengan memegang telefon secara mendatar, tujukan lensa kepada subjek video.
- 3 Tekan butang tangkap sekali untuk mula merakam.
- 4 **REC** akan muncul di bahagian bawah pencari pandangan.


Selepas anda telah menangkap video


Imej pegun memaparkan video yang ditangkap akan muncul pada skrin. Nama imej dilarikan di bahagian bawah skrin bersama lima ikon di bahagian bawah kanan.

 Lihat album video.

 Mainkan fail.

 Rakam imej yang bergerak sekali lagi.




 Hantar video sebagai MMS, E-mel atau melalui Bluetooth. Lihat halaman 34 untuk **Menghantar Mesej**, atau halaman 86 untuk **Menghantar dan menerima fail menggunakan Bluetooth**.

 Padam video yang anda baru buat dan sahkan dengan menyentuh Ya. Pencari pandangan akan muncul semula.

TIP! Pilih ikon album untuk membuka album video. Lihat **Melihat foto dan video** pada halaman 53 untuk maklumat lanjut.

Melaraskan kecerahan

Kontras menjelaskan perbezaan antara cerah dan gelap dalam imej. Imej yang berkontras rendah akan nampak samar-samar, manakala imej berkontras tinggi akan nampak lebih tajam.

- 1 Pilih .
- 2 Luncurkan penunjuk kecerahan pada bar, menghala  untuk kontras rendah, imej berkabus atau menghala  untuk kontras tinggi, imej lebih tajam.

Gunakan tetapan lanjutan

Dari pencari pandangan pilih **Tetapan** dan buka semua pilihan Lain-lain tetapan lanjutan.

Saiz - Tukar saiz video untuk

01

02

03

04

05

06

07

08

Kamera video

menjimatkan ruang memori . Lihat **Menukar saiz imej video** di bawah.

Mod Adegan - Setkan imej untuk menyesuaikan persekitaran. Pilih daripada **Auto, Potret, Landskap, Malam, Pantai, Sukan, dan Parti**.

Kesan - Pilih tona kesan untuk digunakan pada foto yang anda ambil. Lihat **Memilih tona kesan** pada halaman 51.

Imbangan Putih - Imbangan Putih memastikan apa-apa warna putih dalam foto anda adalah realistik. Untuk membolehkan kamera menyesuaikanimbangan putih dengan betul, anda mungkin perlu menentukan keadaan cahaya. Pilih daripada **Auto, Pijar, Cerah, Pendarfluor** atau **Redup**.

Rakam Istimewa - Rakam imej yang bergerak dengan menetapkan pelbagai jenis.

Saiz - Tukar saiz foto untuk menjimatkan ruang memori atau ambil gambar untuk set semula saiz yang betul untuk kenalan. Lihat **Menukar saiz imej** pada halaman 51.

Tempoh - Pilih satu daripada tiga bunyi pengatup.

Dari pencari pandangan pilih **Tetapan** dan buka pilihan **Pratonton** tetapan lanjutan.

Memori yang digunakan - Pilih sama ada mahu menyimpan video dalam memori **Telefon Bimbit** atau memori **Luaran**.

Sembunyikan ikon - Setkan kamera sembunyikan ikon secara automatik pada bahagian sisi pencari pandangan.

Suara - Pilih Bisu untuk merakam video tanpa suara.

NOTA: Selalu pilih Simpan selepas memilih tetapan baru untuk melaksanakan perubahan yang anda buat.

TIP! Apabila anda keluar dari kamera semua tetapan akan kembali kepada lalai, kecuali saiz imej dan kualiti imej. Apa-apa tetapan bukan lalai yang anda perlukan mesti diset semula, contohnya tona warna dan keseimbangan putih. Periksa ia sebelum menangkap video anda yang seterusnya.

Menukar saiz imej video

Lebih banyak piksel, lebih besar saiz fail, yang bermakna ia mengambil banyak ruang memori. Jika anda mahu masukkan lebih banyak video dalam telefon, anda boleh menukar nombor piksel untuk menjadikan saiz fail lebih kecil.

- 1 Pilih **Saiz** dari menu tetapan.
- 2 Pilih nilai piksel daripada empat pilihan:
 - 640x480(W)** - Pilihan skrin lebar berkualiti paling tinggi.
 - 320x240** - Saiz imej lebih kecil, oleh itu saiz fail lebih kecil. Bagus untuk menjimatkan ruang memori.
 - 176x144** - Saiz imej terkecil dan oleh itu saiz fail lebih kecil.
 - WIDE 16:9 - Pilihan skrin Lebar.
- 3 Pilih pilihan saiz yang anda ingin gunakan dan sentuh **Pilih** untuk melaksanakan perubahan anda. Menu tetapan akan ditutup secara automatik, sedia untuk anda merakam video.

NOTA: Apabila anda melihat video anda, kelajuan main semula ialah 30 bingkai per saat, dengan pengecualian

120 fps yang mana main semula ialah pada 15 bingkai per saat.



AMARAN: Perisian mengedit hebat pada LG KF750 anda serasi dengan semua jenis video kecuali 640x480. Jangan rakam dalam format ini jika anda bercadang untuk mengedit video.

Memilih tona kesan

- 1 Pilih **Tetapan** dan pilih **Kesan**.
- 2 Ada dua belas pilihan tona warna: **Tiada, Hitam & Putih, Negatif, Sepia, Biru, Timbul, Lakaran, Keunguan, Kebiru-biruan, Monokrom, Edgemap,** atau **Pemposteran**.
- 3 Pilih tona warna yang anda ingin gunakan dan tekan **Pilih**.
- 4 Selepas membuat pilihan menu tona warna akan tertutup secara automatik, bersedia untuk anda merakam video.

01

02

03

04

05

06

07

08

Kamera video

TIP! Anda boleh menukar syot video dalam warna kepada hitam dan putih atau sepia selepas ia diambil, tetapi anda tidak boleh tukar syot video dalam hitam dan putih atau kembali pada sepia ke warna.

Menonton video yang disimpan

- 1 Pilih ikon album. Album anda akan terpapar pada skrin.
- 2 Pilih video yang anda mahu lihat sekali untuk membawanya ke hadapan album.
- 3 Pilih video kali kedua untuk membuka sepenuhnya.

Foto dan video anda

Mengedit menu pilihan album foto

Anda boleh lihat dan edit imej menggunakan menu Pilihan dalam album foto.

Lihat - Lihat imej.

Hantar - Hantar imej kepada kawan.

Padam - Memadam imej.

Gunakan sebagai - Setkan imej sebagai skri Laman Utama/imej Kenalan/imej Mulakan atau Menutup.

Namakan semula - Namakan semula imej.

Edit - Edit imej.

Cetak - Cetak fail imej melalui PictBridge atau Bluetooth.

Paparan tarikh - Setkan pilihan paparan tarikh.

Menu mengedit pilihan album video

Anda boleh lihat dan edit video menggunakan menu Pilihan dalam album video.

Main - Mainkan video.

Hantar - Hantar video kepada kawan.

Padam - Padam video.


Gunakan sebagai - Setkan video sebagai nada dering.

Namakan semula - Namakan semula video.

Edit - Edit video.

Paparan tarikh - Setkan pilihan paparan tarikh.

Melihat foto dan video anda

- 1 Selepas mengambil gambar atau video, pilih **Album**.
- 2 Album anda akan terpapar pada skrin.
- 3 Pilih video atau foto yang anda mahu lihat sekali untuk membawanya ke hadapan album.
- 4 Pilih kali kedua untuk membuka sepenuhnya.
- 5 Video akan mula bermain secara automatik. Untuk jeda main semula, pilih .

TIP! Anda boleh memadam foto atau video. Pilih foto atau video, kemudian pilih **Pilihan** dan pilih **Padam**. Pilih **Ya** untuk sahkan.

01

02

03

04

05

06

07


08

Foto dan video anda

Melaraskan kelantangan semasa menonton video

Untuk melaraskan kelantangan audio pada video skrin tidak berfungsi pada telefon saya dalam mod video - sila semak. Secara alternatif, gunakan ke atas dan ke bawah pada sentuh.


Menangkap imej daripada video

- 1 **Pilih video yang anda ingin ambil imej daripadanya.**
- 2 **Tekan**  untuk jeda video pada bingkai yang anda ingin tukar menjadi imej dan sentuh bahagian kanan skrin untuk membuka menu pilihan.
- 3 Dari menu pilihan pilih Tangkap.
- 4 Imej akan terpapar pada skrin, dengan nama imej yang telah diberikan.
- 5 Pilih OK.
- 6 Pilih Kembali untuk kembali ke album.
- 7 Imej akan disimpan dalam folder Fail saya dan dipaparkan dalam album. Anda perlu keluar dari album dan kemudian buka semula untuk ia dipaparkan.



AMARAN: Seseengah fungsi mungkin tidak berjalan dengan sempurna jika fail multimedia tidak dirakamkan pada telefon.

Menghantar foto atau video dari album

- 1 Pilih foto atau video dua kali untuk membukanya. Jika anda memilih video, tekan  apabila ia mula dimainkan.

TIP! Anda boleh menamakan semua foto atau video. Pilih foto atau video, kemudian pilih **Pilihan** dan pilih **Namakan semula - Fail**. Masukkan nama baru untuk foto atau video anda.

- 2 Pilih kekunci lembut kiri untuk membuka menu pilihan.
- 3 Pilih **Hantar** dan pilih cara anda ingin menghantar video atau foto: **Mesej**, **Email** atau **Bluetooth**.
- 4 Aplikasi mesej yang dipilih akan dibuka jadi anda boleh menghantar video atau foto.

NOTA: Foto atau video mungkin perlu disaizkan semula sebelum dihantar melalui MMS. Sesetengah video mungkin terlalu besar untuk dihantar melalui MMS, dan anda perlu memilih pilihan penghantaran lain.

Melihat foto secara tayangan slaid

Mod pertunjukkan slaid akan menunjukkan semua foto dalam album satu demi satu sebagai pertunjukkan slaid. Video tidak boleh dipaparkan sebagai pertunjukkan slaid.

- 1 Pilih foto yang anda mahu memulakan pertunjukan slaid dan sentuhnya dua kali untuk membukanya.
- 2 Pilih kekunci lembut kiri untuk membuka menu Pilihan.
- 3 Pilih **Tayangan slaid** dan ia akan bermula.

Mengeset foto sebagai skrin Laman Utama

- 1 Pilih foto yang anda ingin set sebagai kertas hias dinding sebanyak dua kali untuk membukanya.
- 2 Pilih kekunci lembut kiri untuk membuka menu Pilihan.
- 3 Pilih Guna sebagai - **Skrin laman utama**.

Mengedit foto anda

Terdapat banyak perkara menarik yang boleh anda lakukan pada foto anda untuk mengubahnya, tambah padanya atau mencantikkannya sedikit.

- 1 Buka foto yang anda ingin edit dan pilih **Pilihan**.
- 2 Pilih **Edit**.
- 3 Pilih ikon untuk untuk sesuaikan foto anda:



Putarkan imej ke kiri atau kanan.



Tukar saiz foto.



Masukkan ikon pada imej.



Klipkan imej kepada 640X480, 320X240, 176X146.

01

02

03

04

05

06

07

08

Foto dan video anda



Herotkan imej.



Tukar tona warna kepada Hitam dan putih, Sepia, atau Negatif warna.



Tukar atau masukkan bingkai pada imej.



Balikkan gambar menjadi imej cermin.



Tukar imej menggunakan morf, cermin ria, atau lampu sorot.

Masukkan kesan pada foto

- 1 Dari skrin mengedit, pilih Kesan khas atau Kesan bingkai.
- 2 Pilih untuk aplikasikan mana-mana dua pilihan pada foto:

Kesan khas - Tukar warna foto kepada **Hitam dan Putih, Sepia** atau **Negatif Warna**.

Kesan bingkai - Tambahkan bingkai kepada foto anda. Pilih jenis bingkai yang dikehendaki. Pilih **OK** supaya bingkai yang dipilih ditindih pada foto anda.

- 3 Untuk buat asal kesan hanya pilih **Undo**.

TIP! Anda boleh menggunakan lebih daripada satu kesan pada foto, kecuali kesan warna.

Morfkan foto

Morfkan foto hebat untuk menukar ekspresi muka rakan-rakan, atau hanya untuk mengherot foto untuk kesan artistik.

- 1 Daripada skin mengedit pilih Lagi dan kemudian Morfkan.
- 2 Jika muka dalam gambar tidak dikesan, mesej pop timbul muka tidak dikesan akan dipaparkan dan kesan morf akan dibatalkan.
- 3 Jika muka dikesan, gaya morf yang pertama akan digunakan pada gambar.
- 4 Pilih gaya morf yang ingin anda gunakan pada foto.
- 5 Pilih keamatan morf.
- 6 Pilih OK untuk menggunakan perubahan.

Menyoroti foto

- 1 Pilih lokasi yang dingini bagi imej.
- 2 Pilih saiz lampu sorot.
- 3 Pilih OK untuk menggunakan perubahan.

TIP! Gunakan Cermin rias untuk menyalin sisi kiri imej keseluruhan sisi kanan untuk menghias gambar.

TIP! Anda boleh buat semula lebih daripada satu kesan pada foto, kecuali saiz semula. Jika sebarang kesan telah digunakan sebelum kesan saiz semula, kesan yang baru digunakan dan kesan saiz semula akan disimpan. Pengiraan buat semula akan ditetapkan semula kemudian.


Mengedit video anda

Mengedit ciri-ciri yang tersedia bagi semua jenis video kecuali 640x480. Jangan rakam dalam format ini jika anda bercadang untuk mengedit video.

Memotong panjang video anda

- 1 Pilih video yang anda mahu edit kemudian sentuh Pilihan.
- 2 Pilih Edit dan pilih Potong.
- 3 Pilih Mula dan Tamat untuk menanda titik permulaan dan tamat yang baru.

Menggabungkan dua video bersama

- 1 Pilih video yang anda mahu edit dan kemudian pilih Pilihan.
- 2 Pilih Edit dan pilih Gabungan video.
- 3 Folder video akan terbuka. Pilih video yang anda mahu gabungkan dan pilih Pilih.
- 4 Sentuh Kesan untuk memilih bagaimana video gabung bersama: Tiada, Beransur hilang, Zum sorot, Bujur, Tidak ditutup, Bidai, Corak dam atau Larut.
- 5 Tekan  untuk simpan video yang baru digabungkan. Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.
- 6 Ulang langkah ini untuk menggabungkan video dengan lebih.

01

02

03

04

05


06

07

08

Foto dan video anda

Menggabungkan foto dengan video

- 1 Pilih video yang anda mahu edit dan kemudian pilih Pilihan.
- 2 Pilih Edit dan pilih Gabungan imej.
- 3 Folder gambar akan terbuka. Pilih foto yang anda mahu gabungkan ke dalam video anda dan pilih Pilih.
- 4 Sentuh dan gelangsarkan foto untuk menggabungkannya pada hujung atau permulaan video.
- 5 Sentuh Kesan untuk memilih bagaimana foto dan gabungan video bersama: Tiada, Beransur hilang, Zum sorot, Bujur, Tidak ditutup, Bidai, Corak dam atau Larut.
- 6 Tekan . Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.
- 7 Ulang langkah ini untuk menggabungkan foto lain.

Menambah teks pada video

- 1 Pilih video yang anda mahu edit dan kemudian pilih Pilihan.
- 2 Pilih Edit dan pilih Overlai Teks.
- 3 Masukkan teks anda menggunakan pad kekunci dan pilih Simpan.
- 4 Pilih Mula dan tanda apabila anda mahu teks untuk muncul.
- 5 Sentuh kawasan skrin yang anda hendak teks itu muncul.
- 6 Pilih Batal untuk tanda apabila anda mahu teks untuk muncul.
- 7 Pilih Simpan untuk menyimpannya. Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.
- 8 Ulang langkah ini untuk menambah teks yang lain.

Overlai foto

- 1 Pilih video yang anda mahu edit dan kemudian pilih Pilihan.
- 2 Pilih Edit dan pilih Overlai imej.
- 3 Folder gambar akan terbuka. Pilih foto yang hendak anda overlai video anda dan pilih Pilih.
- 4 Pilih Mula dan tanda apabila anda mahu foto untuk muncul.
- 5 Sentuh kawasan skrin yang anda

hendak foto itu muncul. Jika foto terlalu besar ia akan overlai keseluruhan skrin, bukan hanya kawasan yang dipilih.

- 6 Pilih Batal untuk tanda apabila anda mahu foto untuk muncul.
- 7 Pilih Simpan untuk menyimpannya. Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.
- 8 Ulang langkah ini untuk menambah lebih gambar.

Menambah rakaman suara

- 1 Pilih video yang anda mahu edit dan kemudian pilih Pilihan.
- 2 Pilih Edit dan pilih Rakaman suara. Kualiti audio asal akan terjejas dengan menambah suara rakaman.
- 3 Pilih Ya untuk teruskan.
- 4 Tekan Main untuk melihat video anda. Apabila anda dapat bahagian yang anda hendak rakam suara tindih anda, tekan Jeda.
- 5 Tekan Tamat untuk menghentikan rakaman dan main balik.
- 6 Pilih Simpan dan diikuti dengan Ya untuk simpan. Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.

- 7 Ulang langkah ini untuk menambah lebih rakaman suara pada video.

Menambah trek bunyi pada video anda

- 1 Pilih video yang anda mahu edit dan kemudian pilih Pilihan.
- 2 Pilih Edit dan pilih Alih suara audio.
- 3 Folder bunyi akan terbuka. Pilih trek yang hendak anda tambah ada video anda dan pilih Pilih.
- 4 Rakaman audio asal video anda akan dipadam.
- 5 Jika audio lebih pendek daripada video pilih sama ada untuk memainkan Sekali atau untuk mengulanginya.
- 6 Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.

Menukar kelajuan video anda

- 1 Pilih video yang anda mahu edit dan kemudian pilih Pilihan.
- 2 Pilih Edit dan pilih Skala masa.
- 3 Pilih satu daripada empat pilihan kelajuan: x4, x2, x1/4, x1/2.
- 4 Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.

01

02

03

04

05


06

07

08

Foto dan video anda

Menambah kesan malap

- 1** Buka video yang anda mahu edit, pilih  dan pilih Pilihan.
- 2** Pilih Edit dan pilih Kesan malap.
- 3** Pilih untuk menyimpan fail asal atau sebagai fail yang baru.
- 4** Video anda akan pendam masuk dalam permulaan dan beransur hilang pada akhirnya.

Multimedia

Anda boleh menyimpan sebarang fail multimedia ke dalam memori telefon di dalam Bahan saya supaya anda mempunyai akses mudah pada semua gambar, bunyi, video, dan permainan anda. Anda juga boleh menyimpan fail anda kepada kad memori. Kelebihan menggunakan kad memori ialah anda boleh mengosongkan ruang memori telefon anda.

Imej

Imej Saya mengandungi senarai gambar termasuklah imej lalai dipramuatkan pada telefon anda, imej yang dimuat turun oleh anda dan imej yang diambil menggunakan kamera telefon anda.

Menu pilihan imej saya

Pilihan tersedia kepada anda dalam **Gambar** bergantung kepada jenis imej yang telah anda pilih. Semua pilihan akan tersedia untuk gambar yang telah anda ambil pada kamera telefon, tetapi pilihan **Guna sebagai**, **Cetak**, **Susun mengikut paparan Grid (Senarai)** dan **Pengurus memori** yang tersedia untuk imej lalai.

Hantar - Hantar imej kepada kawan.

Guna sebagai - Tetapkan imej untuk muncul pada telefon anda pada masa tertentu.

Gerak - Gerak imej dari memori telefon pada kad memori atau sebaliknya.

Salin - Salin imej dari memori telefon ke kad memori atau sebaliknya.

Padam - Padam Imej.

Tanda/Jangan tanda - Pilih berbilang fail.

Cetak - Cetak imej melalui PictBridge atau Bluetooth®.

Fail - Tukar nama atau paparkan maklumat untuk fail.

Buat folder baru - BUat folder baru di dalam Folder gambar.

Pertunjukan slaid - Mulakan pertunjukkan slaid.

Susun mengikut - Susun imej mengikut turutan tertentu.

Paparan grid/ paparan senarai - Paparkan imej dala jenis grid atau senarai.

Pengurus memori - Paparkan status memori.

01

02

03

04

05

06

07

08

Multimedia

Menghantar foto

- 1 Pilih **Bahan saya** kemudian pilih **Imej saya**.
- 2 Pilih foto yang anda mahu hantar dan sentuh **Pilihan**.
- 3 Sentuh **Hantar** dan pilih daripada **Mesej, E-mel** atau **Bluetooth**.
- 4 Jika anda pilih **Mesej** atau **E-mel**, foto anda akan dilampirkan pada mesej dan anda boleh menulis dan menghantar mesej seperti biasa. Jika anda pilih **Bluetooth**, anda akan digesa untuk menghidupkan Bluetooth dan telefon anda akan mencari peranti untuk menghantar gambar kepada.

Menggunakan imej

Anda boleh pilih imej untuk menggunakan sebagai penghias latar dan gambar skrin atau hanya untuk mengenalpasti pemanggil.

- 1 Pilih **Bahan saya** kemudian pilih **Imej saya**.
- 2 Pilih imej dan kemudian sentuh **Pilihan**.
- 3 Pilih **Gunakan sebagai** dan pilih daripada:
Kertas hias dinding - Tetapkan

kertas hias dinding untuk skrin siap sedia.

Panggilan keluar - Tetapkan imej untuk muncul semasa panggilan keluar.

Imej kenalan - Peruntukkan imej pada individu tertentu dalam senarai kenalan anda supaya gambar akan ditunjukkan apabila mereka memanggil anda.

Imej permulaan - Tetapkan imej untuk muncul apabila anda menghidupkan telefon.

Matikan Imej - Tetapkan imej untuk muncul apabila anda mematikan telefon.

Menguruskan imej anda

- 1 Pilih **Bahan saya** kemudian pilih **Imej saya**.
- 2 Pilih **Pilihan** kemudian Susun mengikut.
- 3 Pilih daripada **Tarikh, Jenis** atau **Nama**].

Memadamkan imej

- 1 Pilih **Bahan saya** kemudian pilih **Imej saya**.
- 2 Pilih imej yang anda mahu padam

dan pilih **Pilihan**.

- 3 Pilih **Padam** kemudian **Ya** untuk sahkan.

TIP! Untuk memadam sebarang fail dalam Fail saya dengan cepat, pilih fail itu dengan kursor supaya ia diserlahkan dan tekan kekunci keras **C**. Sahnannya dengan memilih **Ya**.

Memindah atau menyalin imej

Anda boleh menggerakkan atau salin imej antara memori telefon dan kad memori. Anda mungkin mahu melakukan perkara ini untuk mengosongkan ruang dalam salah satu bank memori atau untuk melindungi imej anda dari hilang.

- 1 Pilih **Bahan saya** kemudian pilih **Imej saya**.
- 2 Pilih **Imej** dan pilih **Pilihan**.
- 3 Pilih **Gerak** atau **Salin**.

Mengedit imej

Anda boleh edit imej menggunakan menu **Pilihan**.

- 1 Pilih menu **Multimedia**.
- 2 Pilih **Editor kandungan**.

- 3 Pilih **Editor imej** dan pilih daripada beberapa pilihan. Lihat halaman 53 untuk butiran lanjut.

Menandakan dan membuang tanda pada imej

Jika anda hendak menggerakkan, menyalin, menghantar atau memadam beberapa imej dengan segera, anda perlu mengenalpastinya dengan menandakan dengan tanda rait.

- 1 Pilih **Bahan saya** kemudian pilih **Imej saya**.
- 2 Pilih **Pilihan** kemudian **Tanda/ Buang tanda**.
- 3 Kotak akan muncul pada kiri untuk setiap imej. Jika anda memilih imej, tanda rait akan muncul dalam kotak menandakannya.
- 4 Untuk buang tanda imej, pilih imej itu sekali lagi supaya tanda rait hilang daripada kotak itu.
- 5 Apabila anda telah tandakan semua imej yang sesuai, pilih salah satu pilihan untuk digunakan pada semua imej tersebut.

01

02

03

04

05

06

07

08

Multimedia

Membuat pertunjukan slaid

Jika anda mahu melihat semua imej pada telefon anda atau mengimbas menerusi apa yang anda ada, dan aboleh buat pertunjukan slaid daripada membuka dan menutup setiap satu imej tersebut.

- 1 Pilih **Bahan saya** kemudian pilih **Imej saya**.
- 2 Pilih **Pilihan** kemudian **Pertunjukan slaid**.

Menyemak status memori anda

Anda boleh semak untuk melihat berapa banyak ruang memori yang telah anda gunakan dan baki yang masih ada.

- 1 Pilih **Bahan saya** kemudian pilih **Imej saya**.
- 2 Pilih **Pilihan** kemudian **Pengurus memori**.
- 3 Pilih **memori telefon bimbit** atau **Memori luaran**.

NOTA: Jika anda tidak mempunyai kad memori dimasukkan anda tidak boleh memilih Memori luaran.

Bunyi

Folder **Bunyi saya** mengandungi **Bunyi lalai** dan **Rakaman suara**. Dari sini anda boleh uruskan, hantar atau tetapkan bunyi sebagai nada dering.

Menggunakan bunyi

- 1 Pilih **Bahan saya** kemudian **Bunyi**.
- 2 Pilih **Bunyi lalai** atau **Rakaman bunyi**.
- 3 Pilih bunyi dan pilih **Main** untuk mendengarnya.
- 4 Pilih **Pilihan** dan pilih **Gunakan sebagai**.
- 5 Pilih daripada **Nada dering suara**, **Nada dering video**, **Ton mesej**, **Bunyi permulaan**, **Bunyi kuasa dimatikan**.

Video

Folder **Video** menunjukkan senarai video yang dimuat turun dan video yang telah anda rakam dalam telefon.

Menonton video

- 1 Pilih **Bahan saya** kemudian pilih **Video saya**.
- 2 Pilih video dan tekan **Main**.

TIP! Untuk memadam sebarang fail dalam Fail saya dengan cepat, tekan fail itu sekali dengan kursor supaya ia diserahkan dan tekan kekunci keras **C** . Sahnkanya dengan memilih **Ya**.

Menggunakan pilihan semasa video dijeda

Pilih Pilihan semasa dalam mod jeda dan pilih daripada:

Paparan landskap - Paparkan fail video dalam tangkapan penuh.

Bisu/ Suarakan - Hidupkan/ matikan bunyi.

Tangkap - Tangkap bingkai kaku sebagai gambar.

Ulang - Ulang fail video.

Maklumat fail - Paparkan butiran Nama, Saiz, Tarikh, Jenis, Tempoh, Dimensi, Perlindungan dan Hak ciptas.

Hantar - Hantar video dalam mesej, E-mel atau menerusi Bluetooth.

Padam - Padam video.

Gunakan sebagai - Gunakan sebagai nada dering suara/video.

Menghantar klip video

1 Pilih video dan pilih **Pilihan**.

2 Pilih **Hantar** dan pilih daripada **Mesej, E-mel** atau **Bluetooth**.

3 Jika anda memilih **Mesej** atau **E-mel**, video klip anda akan dilampirkan pada mesej dan anda boleh tulis dan hantar mesej sebagai normal. Jika anda memilih **Bluetooth**, anda akan digesa untuk menghidupkan Bluetooth dan telefon anda akan mencari peranti untuk menghantar video.

Menggunakan klip video sebagai nada dering

1 Pilih video dan pilih **Pilihan**.

2 Pilih **Gunakan sebagai** dan pilih dari **Nada dering suara** atau **Nada dering video**.

Menggunakan menu pilihan video

Daripada folder **Video saya**, anda boleh memilih dari pilihan berikut:

Hantar - Hantar video pada rakan.

Gunakan sebagai - Tetapkan video sebagai nada dering anda.

Gerakkan - Gerak klip video fari

01

02

03

04

05

06

07

08

Multimedia

memori telefon ke kad memori atau sebaliknya.

Salin - Salin klip video dari memori telefon ke kad memori atau sebaliknya.

Padam - Padam video.

Tanda/Jangan tanda - Pilih berbilang fail.

Fail - Edit nama fail dan paparkan maklumatnya.

Buat folder baru - Buat folder baru di dalam Folder video.

Susun mengikut - Susun video ke dalam susunan spesifik.

Paparan grid/ paparan senarai - Paparkan menu pilihan dalam jenis Grid atau senarai.

Pengurus memori - Paparkan status memori.

Permainan dan Aplikasi

Anda boleh memuat turun permainan dan aplikasi baru pada telefon anda untuk menggembarakan anda apabila anda mempunyai masa terluang.

Bergembira dengan menu M-Toy

Anda boleh bergembira dengan enam permainan lalai termasuk:

Dart, Homerun Derby, Magic Ball, Hammer, Maze, Fishing.

Mengenai - Paparkan maklumat bagi permainan.

Tetapan - Tetapkan bunyi dan getaran semasa mengaktifkan permainan.

Tetapkan semula data - Tetapkan semua tetapan.

Keluar - Tamatkan permainan.

Memuat turun permainan atau aplikasi

- 1 Pilih menu **Permainan** untuk permainan dan menu **Aplikasi** bagi aplikasi.
- 2 Pilih **Muat turun permainan/ aplikasi** dan tekan **Sambung**.
- 3 Anda akan sambung pada portal web di mana anda boleh cari permainan untuk dimuat turun.

TIP! Untuk memadam sebarang fail dalam Fail saya dengan cepat, sentuh fail itu sekali dengan kursor supaya ia diserahkan dan tekan kekunci keras **C** . Sahkan dengan menekan **Ya**.

TIP! Anda juga boleh mengakses permainan anda menggunakan skrin sentuh. Tekan kekunci **HOME** pada sebelah kanan telefon dan sentuh ikon **Permainan**. Anda boleh akses permainan anda dengan menyentuh skrin.

Memainkan permainan

- 1 Pilih menu **Permainan**.
- 2 Pilih permainan dan sentuh **Lancarkan**.

Menggunakan menu pilihan permainan

Daripada folder Permainan dan Aplikasi, pilihan berikut adalah tersedia:

Buat folder baru – Buat folder baru di dalam menu Permainan dan aplikasi.

Susun mengikut - Susun permainan dan aplikasi mengikut **Tarikh**, **Saiz** atau **Nama**.

Pengurus memori - Paparkan status memori.

Kandungan Flash

Folder kandungan flash mengandungi semua kandungan flash muat turun dan lalai anda.

Melihat fail SWF/SVG

- 1 Pilih **Fail saya** kemudian **Kandungan flash**.
- 2 Pilih fail dan tekan **Main**.

Menggunakan pilihan melihat fail SWF/SVG

Pilih **Pilihan** semasa dalam mod jeda dan pilih daripada::

Main/Jeda - Jeda atau sambung main kembali.

Skrin penuh/ Paparan lanskap - Paparkan SWF/SVG anda dalam mod skrin penuh atau paparan lanskap (ia hanya akan muncul jika anda pilih **Pilihan** tanpa menjeda).

01

02

03

04

05

06

07

08

Multimedia

Bisu/ Suarakan - Hidupkan/ matikan bunyi.

Gunakan sebagai kertas hias dinding - Tetapkan fail SWF/SVG sebagai kertas hias dinding.

Maklumat fail - Paparkan Nama, Saiz, Tarikh, Masa dan Jenis fail.

Dokumen

Daripada menu Dokumen, anda boleh paparkan semua fail dokumen anda.

Daripada sini anda boleh paparkan fail Excel, Power point, Word, Text dan pdf.

Memindahkan fail kepada telefon anda

Bluetooth mungkin cara mudah untuk memindahkan fail dari komputer ke telefon anda. Anda juga boleh gunakan LG PC Suite menerusi kabel sync anda, lihat halaman 79 untuk butiran lanjut.

Untuk memindahkan mengguna Bluetooth:

- 1 Pastikan telefon dan komputer anda menghidupkan Bluetooth dan kelihatan pada satu sama lain.
- 2 Gunakan komputer anda untuk menghantar fail melalui Bluetooth.

3 Apabila fail dihantar anda perlu menerimanya pada telefon anda dengan memilih **OK**.

4 Fail perlu muncul dalam folder **Documen** atau **Lain-lain**.

Melihat fail

- 1 Pilih **Bahan saya** kemudian **Dokumen**.
- 2 Pilih dokumen dan pilih **Paparan**.

Lain-lain


Folder **Lain** digunakan untuk menyimpan fail bukan gambar, bunyi, video, permainan atau aplikasi. Ia digunakan dengan cara yang sama sebagai folder **Dokumen**. Anda mungkin mendapati bahawa apabila anda memindahkan fail dari komputer anda ke telefon yang ia muncul dalam folder **Lain** daripada folder **Dokumen**. Jika ia berlaku anda boleh menggerakkannya.

Untuk gerakan fail daripada Lain-lain kepada Dokumen:

- 1 Pilih **Fail saya** kemudian **Lain-lain**.
- 2 Pilih fail dan pilih **Pilihan**.
- 3 Pilih **Gerakkan**.

Pembuat filem

Pembuat filem membolehkan anda membuat pertunjukan slaid imej ang dikombinasikan dengan muzik.



Membuat movie

- 1 Pergi ke Hiburan dan pilih **Pembuat filem**.
- 2 Pilih **+** untuk menambah imej. Pilih imej yang anda mahu masukkan dan kemudian pilih **Selesai** dalam **Pilihan**.
- 3 Pilih menu **Gaya** untuk memilih gaya filem.
Pilih dari:
Bunga
Bulan
Pao
- 4 Pilih **Main** untuk melihat apa yang telah anda telah buat.

Muzik

LG KF750 anda mempunyai pemain muzik terbina dalam supaya anda boleh main semua trek muzik kegemaran anda. Untuk mengakses pemain muzik, pilih **Muzik** daripada menu utama. Dari sini anda boleh mengakses pada sebilangan folder:
Baru dimainkan - Lihat semua lagu yang baru anda mainkan.

Muzik saya - Semua muzik:

- Semua trek** - Mengandungi semua lagu yang anda miliki dalam telefon.
- Artis** - Semak imbas koleksi muzik anda mengikut artis.
- Album** - Semak imbas koleksi lagu anda mengikut album.
- Genre** - Semak imbas koleksi muzik anda mengikut genre.
- Senarai main** - Mengandungi sebarang senarai main yang telah anda buat.
- Susun semula trek** - Dengar muzik anda dalam susunan rawak.


Multimedia



Memindahkan muzik pada telefon anda

Cara paling mudah untuk memindahkan muzik pada telefon anda adalah melalui Bluetooth atau kabel segerak. Anda juga boleh menggunakan LG PC Suite, lihat halaman 79 untuk butiran. Untuk memindahkan mengguna Bluetooth:

- 1 Untuk pastikan kedua-dua peranti menghidupkan Bluetooth dan kelihatan pada satu sama lain.
- 2 Pilih fail muzik pada peranti yang lain dan pilih untuk menghantarkannya melalui Bluetooth.
- 3 Apabila fail dihantar anda perlu menerimanya pada telefon anda dengan menyentuh **OK**.
- 4 Fail sepatutnya muncul dalam **Muzik** → **Semua trek**.

Memainkan lagu

- 1 Pilih **Muzik saya**, kemudian **Semua trek**.
- 2 Pilih lagu yang anda mahu main dan pilih **Main**.
- 3 Tekan  untuk jeda lagu.

- 4 Sentuh  (kanan) untuk langkaun kepada lagu seterusnya.
- 5 Sentuh  (kiri) untuk langkau kepada lagu sebelumnya.

Menggunakan pilihan semasa memainkan muzik

Pilih **Pilihan** dan Pilih daripada:

Minimumkan - Jadikan skrin pemain muzik anda hilang supaya anda boleh sambung menggunakan telefon anda sebagai normal.

Pergi ke muzik saya - Gerakkan fail ke folder Muzik saya.

Ulang - Ulang trek yang dipilih.

Susun semula - Dengar muzik anda dalam susunan rawak.

Penyama - Tetapkan menu penyama.

Pembayangan - Pilih kesan visual.

Tambah ke senarai main - Tambah fail ke senarai main.

Maklumat fail - Lihat Nama, Saiz, Tarikh, Masa, Jenis, Tempoh, Perlindungan dan Hakcipta lagu.


Hantar - Hantar lagu sebagai mesej atau Bluetooth.

Padam - Padam lagu.

Gunakan sebagai - Gunakan sebagai lagu sebagai salah satu nada dering anda.

Membuat senarai main

Anda boleh membuat senarai main anda sendiri dengan memilih pilihanlagu daripada folder **Semua trek**.

- 1 Pilih **Muzik saya**, kemudian **Senarai main**.
- 2 Pilih **Tambah**, masukkan nama senarai main dan tekan  **Simpan**.
- 3 Folder Semua trek akan dipaparkan. Pilih semua lagu yang anda mahumasukkan ke dalam senarai main anda; tanda rait akan ditunjukkan di sebelah nama fail.

Untuk mainkan senarai main, pilihnya dan pilih **Main**.

NOTA: Untuk menambah kepada senarai main kedua, pilih **Pilihan** kemudian **Tambah senarai main baru**.

Senarai main pengedit

Dari masa ke masa, anda mungkin hendak untuk menambah lagu baru

atau padam lagu dari senarai main. Apabila anda hendak melakukan perkara ini, anda boleh mengedit senarai main.

- 1 Pilih **Muzik saya**, kemudian **Senarai main**.
- 2 Pilih senarai main.
- 3 Pilih **Pilihan** dan pilih:

Tambah lagu baru – Untuk menambah lagu baru pada senarai main. Tandakan yang mana anda mahu dan pilih **Selesai**.

Gerak ke atas/ke bawah – Gerakkan lagu ke atas atau ke bawah senarai untuk mengubah susunan mainan.

Hantar – Hantar lagu sebagai mesej atau menerusi Bluetooth.

Keluarkan dari senarai – keluarkan lagu dari senarai main. Pilih **Ya** untuk sahkan.

Tanda/Jangan tanda – Pilih pelbagai fail.

Gunakan sebagai – Anda boleh menetapkan lagu sebagai bunyi kesan.

Memadam senarai main

- 1 Pilih **Muzik saya**, kemudian **Senarai main**.

01

02

03

04

05

